A

SIS FORUM (MALAYSIA) & YANG LAIN lwn. JAWATANKUASA FATWA NEGERI SELANGOR & YANG LAIN

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
HAS ZANAH MEHAT HMR
CHE MOHD RUZIMA GHAZALI HMR
GUNALAN MUNIANDY HMR
[RAYUAN SIVIL NO: W-01(A)-473-09-2019]
21 MAC 2023

B

C

Abstrak – *Warta Fatwa yang digubal untuk mengekang penyebaran fahaman 'liberalisme' dan 'pluralisme agama' di Negeri Selangor, dengan perkenan DYMM Sultan, disediakan dan diterbitkan selaras dengan kuasa bawah per. 11(4) Perlembagaan Persekutuan dan s. 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. Warta Fatwa tersebut, sumber hukum dalam perundangan Islam yang diperoleh daripada pendapat dan/atau pandangan pihak yang berwenang dan berwibawa, bersandarkan pada hukum syarak, tidak bersifat muktamad dan, oleh itu, tidak membentuk keputusan yang boleh dicabar melalui semakan kehakiman. Tambahan lagi, isi kandungan fatwa tertakluk dalam bidang kuasa eksklusif Mahkamah Syariah dan bukan mahkamah sivil.*

D

E

BIDANG KUASA: *Mahkamah – Kuasa dan bidang kuasa – Mahkamah sivil dan Mahkamah Syariah – Persoalan melibatkan bidang kuasa semakan terhadap fatwa – Sumber hukum dalam perundangan Islam berdasarkan hukum syarak – Sama ada diperoleh daripada pendapat dan/atau pandangan pihak berwenang dalam hukum syarak – Sama ada dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah dan bukan mahkamah sivil*

F

PROSEDUR SIVIL: *Semakan kehakiman – Permohonan – Cabaran terhadap kesahan fatwa – Sama ada diperoleh daripada pendapat dan/atau pandangan pihak berwenang dalam hukum syarak – Sama ada fatwa boleh berubah melalui pindaan, pengubahsuaian atau pembatalan – Sama ada bersifat muktamad – Sama ada boleh dicabar melalui semakan kehakiman*

G

UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN: *Mahkamah – Mahkamah sivil dan Mahkamah Syariah – Cabaran terhadap kesahan fatwa – Pandangan berkaitan fahaman liberalisme dan pluralisme agama yang bercanggah dengan ajaran Islam – Sama ada penyediaan fatwa selaras dengan kuasa bawah s. 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 dan per. 11(4) Perlembagaan Persekutuan – Sama ada tindakan pengawalan pengembangan doktrin atau kepercayaan agama yang menyimpang daripada ajaran Islam sebenar – Sama ada pemohon diberi hak untuk didengar – Sama ada sifat atau cara pembuatan fatwa memerlukan pemberian hak untuk didengar*

H

I

Rayuan ini adalah terhadap keputusan Mahkamah Tinggi menolak permohonan semakan kehakiman perayu-perayu mencabar kesahan satu fatwa bertajuk 'Fatwa Pemikiran Liberalisme dan Pluralisme Agama' yang diterbitkan dalam *Warta* Kerajaan Negeri Selangor ('*Warta Fatwa*'). Responden pertama ('R1') adalah satu jawatankuasa yang diwujudkan bawah s. 46 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 ('EPAIS') dan diberi kuasa untuk menyediakan fatwa bawah s. 47 EPAIS. Sebagai pihak yang bertanggungjawab membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan berkenaan dengan semua perkara berhubung agama Islam di Negeri Selangor, responden kedua ('R2'), Majlis Agama Islam Selangor, melalui R1 telah mengkaji dan meneliti pandangan-pandangan yang diutarakan oleh perayu pertama ('P1'), SIS Forum (Malaysia), berkait dengan pelbagai elemen dalam agama Islam termasuklah hukum syarak. Hasil kajian, R1 merumuskan bahawa P1 terlibat dalam kegiatan penyebaran ajaran atau fahaman 'liberalisme' dan 'pluralisme agama' yang menyimpang daripada syariat Islam sepertimana yang diputuskan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam kali ke-74. Oleh itu, satu fatwa digubal untuk mengekang penyebaran fahaman 'liberalisme' dan 'pluralisme agama' di Negeri Selangor. Fatwa itu kemudian disiarkan. Terkilan dengan penerbitan *Warta Fatwa* tersebut, perayu-perayu memfailkan prosiding semakan kehakiman. Dalam rayuan ini, perayu-perayu membangkitkan: (i) isu bidang kuasa semakan Mahkamah Tinggi untuk menyemak *Warta Fatwa*; (ii) penerbitan *Warta Fatwa* tersebut melanggar undang-undang Persekutuan iaitu Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998; (iii) *Warta Fatwa* tersebut bercanggah dengan per. 5, 8 dan 10 Perlembagaan Persekutuan ('Perlembagaan') serta melanggar prinsip keadilan asasi apabila gagal mematuhi prosedur yang diperuntukkan bawah s. 48 EPAIS dan dengan itu, tidak sah, tidak rasional atau gagal mematuhi prosedur yang ditetapkan bawah undang-undang; dan (iv) isu bidang kuasa R1 menyediakan dan menerbitkan *Warta Fatwa* tersebut terhadap P1 dan isu penyingkapan tirai perbadanan.

Diputuskan (menolak rayuan pemohon dan mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi)
Oleh Che Mohd Ruzima Ghazali HMR (keputusan majoriti):

(1) Persoalan sama ada *Warta Fatwa* tersebut boleh tertakluk pada semakan kehakiman atau sebaliknya adalah satu persoalan undang-undang yang secara langsung berkait dengan bidang kuasa Hakim Mahkamah Tinggi ('HMT'). Berdasarkan makna atau definisi fatwa, keterangan Mufti Kerajaan Negeri Selangor dan peruntukan undang-undang bawah EPAIS, boleh disimpulkan bahawa suatu fatwa itu adalah sumber hukum dalam perundangan Islam yang diperoleh daripada pendapat dan/atau pandangan pihak yang berwenang dan berwibawa

A mengemukakannya bersandarkan pada hukum syarak. Oleh sebab *Warta Fatwa* tersebut berpaksikan ketetapan bawah hukum syarak, maka segala pertikaian berhubung isi kandungannya juga sudah tentu berada dalam bidang kuasa eksklusif Mahkamah Syariah dan bukan mahkamah sivil. (perenggan 21, 25 & 26)

B **(2)** Suatu fatwa boleh berubah atau diubah melalui pindaan, pengubahsuaian atau pembatalan. Oleh itu, pendapat R1 yang dibuat melalui *Warta Fatwa* tersebut masih boleh dipinda, diubahsuai atau dibatalkan, sesuai dengan keadaannnya. Peruntukan bawah s. 50 EPAIS itu sendiri adalah satu petunjuk bahawa *Warta Fatwa* tersebut atau mana-mana fatwa yang C dibuat R1 bukan suatu keputusan yang bersifat muktamad. Oleh itu, fatwa tersebut tidak terjumlah pada satu keputusan yang boleh dicabar melalui semakan kehakiman. (perenggan 29 & 30)

(3) Dalam konteks *Warta Fatwa* tersebut, pendapat dan/atau pandangan R1 hanya terhadap falsafah dan pegangan P1 yang mempertikaikan beberapa D amalan dan hukum dalam ajaran Islam. Isu sama ada P1 boleh menganut agama Islam atau sebaliknya adalah di luar konteks *Warta Fatwa* tersebut. Pendapat dan/atau pandangan R1 terhadap P1 yang berpegang pada fahaman liberalisme dan pluralisme agama yang bercanggah dengan ajaran Islam adalah selaras dengan kuasa bawah s. 47 EPAIS, iaitu R1 E boleh menyediakan suatu fatwa atas apa-apa persoalan yang belum muktamad atau yang menimbulkan kontroversi berhubungan dengan hukum syarak dan juga selaras dengan peruntukan per. 11(4) Perlembagaan. Tidak ada keperluan untuk menyingkap tirai perbadanan P1 untuk mengambil tindakan pengawalan bawah undang-undang. F Penyediaan dan penerbitan *Warta Fatwa* tersebut oleh R1 perlu dilihat sebagai satu tindakan pengawalan untuk menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama yang menyimpang daripada ajaran Islam sebenar. (perenggan 38 & 40)

(4) R1 telah memulakan tindakan awal dengan membuat kajian dan G penyelidikan ke atas falsafah dan pegangan P1 berhubung hukum syarak. Satu dialog turut diadakan antara R1 dengan P1 untuk mengesahkan falsafah dan pegangan tersebut. Selepas itu, barulah R1 mengemukakan pendapat dan/atau pandangan seperti yang dinyatakan dalam *Warta Fatwa*, dengan itu, mematuhi tatacara awal pembuatan fatwa seperti H yang digariskan bawah s. 48 EPAIS. Dialog tersebut adalah satu ruang untuk P1 menyatakan pendirian berhubung dengan falsafah dan pegangannya berkait dengan agama Islam dan hukum syarak dan membentuk satu manifestasi pemberian hak untuk didengar kepada P1 sebelum disediakan *Warta Fatwa* tersebut. Sifat atau cara pembuatan I fatwa itu sendiri tidak memerlukan hak untuk didengar diberi kepada P1. Oleh itu, tidak berlaku sebarang ketidakpatuhan prosedur oleh R1 semasa menyediakan *Warta Fatwa* tersebut. (perenggan 52-54 & 56)

(5) Walaupun isu pegangan aliran pemikiran liberal telah dibincangkan dan dimuktamadkan di peringkat Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan, keputusan itu tiada kesan mengikat di peringkat negeri disebabkan pengasingan bidang kuasa perundangan seperti yang ditetapkan bawah Jadual Kesembilan Perlembagaan. Untuk membolehkan penguatkuasaan terhadap larangan pada pegangan fahaman liberalisme dan pluralisme agama yang bercanggah dengan ajaran Islam, R1 perlu membuat dan menerbitkan *Warta Fatwa* tersebut untuk Negeri Selangor. Oleh itu, tiada asas dalam hujahan pemohon bahawa tindakan R1 membelakangkan kehendak s. 51 EPAIS menjadikan *Warta Fatwa* tidak sah. (perenggan 61 & 62)

(6) Tiada apa-apa keterangan yang menunjukkan 'kecederaan khas' pada P1 akibat *Warta Fatwa* tersebut atau P1 ada 'kepentingan' atas perkara yang dinyatakan dalam *Warta Fatwa*. *Warta Fatwa* juga tidak memperuntukkan apa-apa kesalahan, sebaliknya hanya menghendaki mana-mana individu yang berpegang pada fahaman liberalisme dan pluralisme agama hendaklah bertaubat dan kembali ke jalan Islam. Oleh itu, permohonan perintah deklaratori oleh perayu-perayu, yang berkait dengan pendapat dan/atau pandangan R1 berdasarkan hukum syarak semata-mata, tidak sesuai untuk diberi dan perlu ditolak. (perenggan 70, 72, 74 & 75)

Per Gunalan Muniandy JCA (dissenting):

(1) The High Court Judge ('HCJ') had fallen into obvious error of fact and law in dismissing the judicial review primarily because it disregarded two landmark Federal Court ('FC') decisions on the jurisdiction point under the Ninth Schedule of the FC: (i) *SIS Forum (Malaysia) v. Kerajaan Negeri Selangor; Majlis Agama Islam Selangor (Intervener)* ('*SIS Forum*'); and (ii) *Kesultanan Pahang v. Sathask Reality Sdn Bhd*. In *SIS Forum*, the FC had held affirmatively, unequivocally and without any reservations that the respondents had no jurisdiction at all over artificial persons like a limited company or corporation by construing the phrase 'persons professing the religion of Islam' in para. 1 in the State List as per the Ninth Schedule of the Federal Constitution. The judgment in *Kesultanan Pahang* was adopted in holding that a company like the P1 could not profess any religion. The HCJ had therefore erred in deciding that the respondents could issue the fatwa against P1, a company. There was no basis in law to lift the corporate veil of P1 and make a finding that the controlling minds of P1 were Muslims. The impugned fatwa should fall for falling outside the State List in the Ninth Schedule of the Federal Constitution. The HCJ failed to judicially appreciate that R1 had exceeded its jurisdictional competence in issuing the Fatwa that the appellants had challenged. (paras 88, 98 & 99)

A ***English*** *Headnotes*

This was an appeal against the decision of the High Court dismissing the appellants' judicial review application challenging the validity of a fatwa entitled 'Fatwa Pemikiran Liberalisme dan Pluralisme Agama' which was published in the Warta Kerajaan Negeri Selangor ('*Fatwa Gazette*'). The first B respondent ('R1'), a committee established under s. 46 of the Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003 ('Enactment') was empowered to prepare the Fatwa under s. 47 of the Enactment. As the party responsible to assist and advise the Duli Yang Maha Mulia Sultan on all matters relating to Islamic religion in the State of Selangor, the second C respondent ('R2'), the Majlis Agama Islam Selangor, through R1 did a study and scrutiny of the views presented by the first appellant ('P1'), SIS Forum (Malaysia), in relation to various elements in the Islamic religion, including hukum syarak. Based on the study, R1 concluded that P1 was involved in spreading the teachings or beliefs of 'liberalism and 'religious pluralism' that D deviated from Islamic law as decided at the 74th Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam. Therefore, a Fatwa was drawn up to restrict the spread of 'liberalism' and 'religious pluralism' in the State of Selangor. The Fatwa was then published. Aggrieved with the publication of the *Fatwa Gazette*, the appellants filed the judicial review E application. In this appeal the appellants raised: (i) the issues relating to the jurisdiction of the High Court to review the *Fatwa Gazette*; (ii) the publication of the *Fatwa Gazette* breached Federal laws, namely the Printing Presses and Publications Act 1984 and the Communications and Multimedia Act 1998; (iii) the *Fatwa Gazette* was in breach of arts. 5, 8 and 10 of the Federal Constitution ('FC') and violated the principles of natural justice in failing to F comply with the procedures provided under s. 48 of the Enactment and thus, was invalid, irrational or failed to comply with the procedures prescribed under the laws; and (iv) the issues of R1's jurisdiction to draw and publish the *Fatwa Gazette* against P1 and of lifting the veil of incorporation.

G **Held (dismissing appellants' appeal and sustaining decision of High Court) Per Che Mohd Ruzima Ghazali JCA (for the majority):**

(1) The question as to whether the *Fatwa Gazette* could be subjected to judicial review or otherwise, is a question of law which was directly related to the jurisdiction of the High Court Judge ('HCJ'). Based on the H meaning or definition of fatwa, the testimony of the Mufti of the State of Selangor and the provisions of law under the Enactment, it could be concluded that a fatwa is a source of rules in Islamic law which was obtained from the opinion and/or views of scholars who had presented them based on hukum syarak. As the *Fatwa Gazette* was based on rulings I under hukum syarak, any dispute pertaining to its content also certainly fell within the exclusive jurisdiction of the Syariah Court and not the civil court.

(2) A fatwa can be changed or altered *via* amendments, modifications or cancellations. Therefore, R1's opinion given in the *Fatwa Gazette* could still be amended, modified or cancelled, in accordance with the circumstances. The provisions under s. 50 of the Enactment itself was an indication that the *Fatwa Gazette* or any Fatwa made by R1 was not final in nature. Hence, the Fatwa did not amount to a decision that was amenable to judicial review.

(3) In the context of the *Fatwa Gazette*, R1's opinion and/or views was only in relation to P1's philosophy and beliefs which disputed certain practices and laws in Islamic teachings. The issue of whether P1 could embrace the religion of Islam or otherwise was outside the context of the *Fatwa Gazette*. R1's opinion and/or views on P1 that held on to the liberalism and religious pluralism which contradicted with the teachings of Islam was in line with the authorities given under s. 47 of the Enactment, *ie*, R1 could prepare a Fatwa on any question that has not been finalised or controversial in relation to hukum syarak and also in accordance with the provisions of art. 11(4) of the FC. There was no need to lift P1's veil of incorporation in order to take regulatory action under the law. The preparation and publication of the *Fatwa Gazette* by R1 ought to be viewed as a control measure to restrict the development of any religious doctrine or belief that deviates from the true teachings of Islam.

(4) R1 had taken the initial action by doing a study and scrutiny on P1's philosophy and beliefs in relation to hukum syarak. A dialogue was also held between R1 and P1 to confirm the philosophy and the beliefs. It was only after that that R1 submitted its opinion and/or views as stated in the *Fatwa Gazette*, thus, complying with the initial procedure of making a fatwa as outlined under s. 48 of the Enactment. The dialogue gave P1 space to express its position in relation to its philosophy and beliefs in relation to the Islamic religion and hukum syarak and formed a manifestation of giving the right to be heard to P1 before the *Fatwa Gazette* was prepared. The nature or mode of making the fatwa itself does not require the right to be heard given to P1. Hence, there was no procedural impropriety by R1 in the preparation of the *Fatwa Gazette*.

(5) Although the matter pertaining to the liberal school of thought had been discussed and finalised at the Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan, the decision was without binding effect at the state level due to the separation of legislative jurisdiction as stipulated under the Ninth Schedule of the FC. In order to enable the enforcement of the prohibition on liberalism and religious pluralism that contradicted Islamic teachings, R1 had to make and publish the *Fatwa Gazette* for the State of Selangor. Therefore, there was no basis in the applicant's contention that R1's actions were against the requirements of s. 51 of the Enactment to render the *Fatwa Gazette* invalid.

(6) There was no evidence that showed 'special injury' to P1 as a result of the *Fatwa Gazette* or that P1 had any 'interest' in the matter stated in the *Fatwa Gazette*. The *Fatwa Gazette* also did not provide for any offence, instead, it only required that any individual who holds on to the principles of liberalism and religious pluralism ought to repent and return to the Islamic path. Therefore, the application for a declaratory order by the appellants, which was related to the opinion and/or views of R1 based merely on the hukum syarak, was not suitable to be granted and must be rejected.

Kes-kes yang dirujuk:

Chief Constable of North Wales Police v. Evans [1982] 3 All ER 141 ***(dirujuk)***

Dalip Kaur Gurbux Singh v. Pegawai Polis Daerah (OCPD), Bukit Mertajam & Anor [1991] 3 CLJ 2768; [1991] 1 CLJ (Rep) 77 SC ***(dirujuk)***

Harpers Trading (M) Sdn Bhd v. National Union Of Commercial Workers [1991] 2 CLJ 881; [1991] 1 CLJ (Rep) 159 SC ***(dirujuk)***

Hj Raimi Abdullah v. Siti Hasnah Vangarama Abdullah & Another Appeal [2014] 4 CLJ 253 FC ***(dirujuk)***

Karpal Singh v. Sultan Of Selangor [1987] 2 CLJ 342; [1987] CLJ (Rep) 686 HC ***(dirujuk)***

Kesultanan Pahang v. Sathask Realty Sdn Bhd [1998] 2 CLJ 559 FC ***(dirujuk)***

Luggage Distributors (M) Sdn Bhd v. Tan Hor Teng & Anor [1995] 3 CLJ 520 CA ***(dirujuk)***

Majlis Perbandaran Pulau Pinang v. Syarikat Bekerjasama-sama Serbaguna Sungai Gelugor Dengan Tanggungan [1999] 3 CLJ 65 FC ***(dirujuk)***

Ng Hee Thoong & Anor v. Public Bank Bhd [1995] 1 CLJ 609 CA ***(dirujuk)***

Peguam Negara Malaysia v. Chin Chee Kow & Another Appeal [2019] 4 CLJ 561 FC ***(dirujuk)***

Pengarah Tanah Dan Galian, Wilayah Persekutuan v. Sri Lempah Enterprise Sdn Bhd [1978] 1 LNS 143 FC ***(dirujuk)***

R Rama Chandran v. Industrial Court Of Malaysia & Anor [1997] 1 CLJ 147 FC ***(dirujuk)***

R v. Kelly [1992] 2 SCR 170 ***(dirujuk)***

SIS Forum (Malaysia) v. Kerajaan Negeri Selangor; Majlis Agama Islam Selangor (Intervener) [2022] 3 CLJ 339 FC ***(dirujuk)***

Sulaiman Takrib v. Kerajaan Negeri Terengganu; Kerajaan Malaysia (Intervener) & Other Cases [2009] 2 CLJ 54 FC ***(dirujuk)***

Tan Tek Seng v. Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan & Anor [1996] 2 CLJ 771 CA ***(dirujuk)***

Wong Pot Heng & Anor v. Kerajaan Malaysia [1992] 3 CLJ 1497; [1992] 3 CLJ (Rep) 776 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003, ss. 4(1), 5(5), 6, 7, 46, 47, 48(1), (2), 50, 51, 66A

Communications and Multimedia Act 1998, s. 3(3)

Federal Constitution, arts. 5, 8, 10, 11(4), 74, 121(1A), Ninth Schedule List II item 1

Printing Presses And Publications Act 1984, s. 7

Rules of Court 2012, O. 15 r. 16, O. 53

Specific Relief Act 1950, s. 41

Bagi pihak perayu pertama, kedua & ketiga - Malik Imtiaz, Surendra Ananth & Fahri Azzat; T/n Fahri, Azzat & Co
Bagi pihak responden pertama - Zainul Rijal Abu Bakar, Danial Farhan Zainul Rijal & Azman Marsaleh; T/n Chambers of Zainul Rijal
Bagi pihak responden kedua - Yusfarizal Yusoff & Majdah Muda; T/n Muda
Bagi pihak responden ketiga - Salim Soib & Husna Abdul Halim; Penasihat Undang-Undang Negeri, Selangor

[Nota Pengarang: Untuk kes Mahkamah Tinggi, sila lihat SIS Forum (Malaysia) & Ors v. Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor & Ors [2016] 1 LNS 1364 (disahkan).]

Dilaporkan oleh S Barathi

PENGHAKIMAN

Che Mohd Ruzima Ghazali HMR (majoriti):

Pengenalan

[1] Satu fatwa bertajuk "Fatwa Pemikiran Liberalisme Dan Pluralisme Agama" telah diterbitkan dalam *Warta* Kerajaan Negeri Selangor bertarikh 31 Julai 2014 dengan no. rujukan [MAIS/SU/BUU/01-2/002/2013-3(4) (*Warta Fatwa* tersebut). Dikatakan terjejas dengan pewartaan *Warta Fatwa* tersebut, SIS Forum (Malaysia) (pemohon pertama/perayu pertama), Zainah Mahfoozah binti Anwar (pemohon kedua/perayu kedua) dan Datuk Mohd Zaid bin Ibrahim (pemohon ketiga/perayu ketiga) telah memulakan prosiding semakan kehakiman terhadap Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor (responden pertama), Majlis Agama Islam Selangor (responden kedua) dan Kerajaan Negeri Selangor (responden ketiga) di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur (MTKL) bagi mencabar kesahan *Warta Fatwa* tersebut. Hakim Mahkamah Tinggi (HMT) memutuskan untuk menolak permohonan perayu-perayu/pemohon-pemohon. Terkilan dengan keputusan tersebut, perayu-perayu/pemohon-pemohon merayu.

[2] Untuk memudahkan sebutan, pihak-pihak akan dirujuk sama sepertimana di Mahkamah Tinggi, iaitu pemohon dan responden. Secara jamak pemohon-pemohon akan dirujuk sebagai pihak pemohon dan responden-responden akan dirujuk sebagai pihak responden. Secara individu, pemohon-pemohon akan dirujuk sebagai P1, P2 dan P3 masing-masingnya. Manakala responden-responden akan dirujuk sebagai R1, R2 dan R3 masing-masingnya.

Fakta Ringkas Kes

[3] P1 yang sinonim dengan nama "Sisters In Islam" adalah sebuah syarikat berdaftar yang ditubuhkan pada tahun 1993 di bawah undang-undang syarikat berstatus syarikat berhad menurut jaminan (company limited by guarantee). P2 mendakwa dirinya sebagai seorang intelektual Melayu yang berkecimpung dalam bidang ilmiah pemikiran Melayu/lslam serta

merupakan mantan pengarah eksekutif P1 dan juga merupakan salah seorang daripada pengasas P1. Sama seperti P2, P3 turut mendakwa dirinya sebagai seorang intelektual Melayu yang berkecimpung dalam bidang ilmiah pemikiran Melayu/Islam serta perkembangan politik Melayu dan merupakan penyumbang tegar P1.

[4] R1 pula adalah satu jawatankuasa yang diwujudkan di bawah s. 46 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (EPAIS) yang diberikan kuasa untuk menyediakan fatwa di bawah s. 47 EPAIS. R2 adalah Majlis Agama Islam Selangor, yang ditubuhkan di bawah s. 4 EPAIS bagi menjalankan fungsi-fungsi serta kewajipan-kewajipan yang ditetapkan di bawah ss. 5, 6 dan 7 EPAIS manakala R3 adalah Kerajaan Negeri Selangor.

[5] Semenjak P1 yang secara rasminya didaftarkan sebagai sebuah pertubuhan bukan kerajaan dalam tahun 1993, tumpuan utamanya adalah untuk mempersoalkan atau mempertikaikan undang-undang serta dasar-dasar yang digubal dan dilaksanakan atas nama Islam yang didakwa mendiskriminasikan wanita. Tumpuan P1 kemudiannya diperluaskan kepada isu lebih besar yang merangkumi prinsip demokrasi, hak asasi manusia dan perlembagaan. Dalam memperjuangkan hak wanita, P1 sering membangkitkan isu-isu yang menyentuh hukum agama Islam ataupun Hukum Syarak melalui kenyataan dan juga penerbitan yang dikeluarkan.

[6] Sebagai pihak yang bertanggungjawab membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan (DYMM Sultan) berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan agama Islam di Negeri Selangor, R2 melalui R1 telah mengkaji dan meneliti pandangan-pandangan yang diutarakan P1 berkait dengan pelbagai elemen dalam agama Islam termasuklah Hukum Syarak. Banyak mesyuarat yang diadakan bagi membincangkan isu yang berbangkit daripada pandangan-pandangan P1 tersebut. Beberapa kertas kajian dan kertas cadangan telah dibentangkan dan dibincangkan. Selain itu, satu majlis dialog turut diadakan di antara ahli panel R1 yang diketuai Mufti Kerajaan Negeri Selangor (Mufti) sendiri dengan P1 yang diwakili lapan orang ahlinya termasuklah P2.

[7] Hasil kajian, R1 merumuskan bahawa P1 terlibat dalam kegiatan penyebaran ajaran atau fahaman "liberalisme" dan "pluralisme agama" yang mana menyimpang daripada syariat Islam sepertimana yang telah diputuskan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam kali ke-74 yang bersidang pada 25 hingga 27 Julai 2006. Satu fatwa telah digubal bagi mengekang penyebaran fahaman "liberalisme" dan "pluralisme agama" di Negeri Selangor. Setelah mendapat perkenan DYMM Sultan, *Warta Fatwa* tersebut telah disiarkan.

[8] Terkilan dengan penerbitan *Warta Fatwa* tersebut, pihak pemohon telah memfailkan prosiding semakan kehakiman.

Permohonan Pihak Pemohon

[9] Pihak pemohon memohon relief-relief sepertimana berikut:

1.2. satu deklarasi bahawa keputusan yang dibuat oleh responden-responden pada 17 Julai 2014 melalui fatwa dengan nombor rujukan MAIS/SU/BUU/01-2/002/2013-3(4), yang digazetkan pada 31 Julai 2014 di bawah Bahagian III Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 (Enakmen 1 Tahun 2003):

(a) setakat mana ia secara tersirat memperuntukkan kesalahan berkaitan "akhbar, penerbitan, percetakan dan mesin cetak" adalah bercanggahan dengan seksyen 7 Akta Cetak, 1984;

(b) setakat mana ia mengarahkan penyekatan laman-laman sosial adalah bercanggahan dengan seksyen 3(3) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998; dan

(c) melampaui ('in excess') peruntukan Artikel 10, Artikel 11, Artikel 74 dan Jadual Kesembilan Senarai I dan II Perlembagaan Persekutuan setakat mana ia cuba memperuntukkan perkara-perkara kesalahan berkaitan dengan mengekang hak mana-mana individu, pertubuhan dan sebagainya untuk mendukung "fahaman liberalisme dan pluralisme agama", hak bersuara dan expresi di "laman-laman sosial yang bertentangan dengan ajaran Islam dan Hukum Syarak", yang mana kesemuanya bukan merupakan perkara-perkara yang boleh diperuntukkan ('legislated') di bawahnya.

1.3. satu deklarasi bahawa Pemohon Pertama, yang merupakan sebuah "company limited by guarantee" yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965, atau mana-mana pihak lain yang tidak memprofes agama Islam tidak boleh tertakluk kepada keputusan yang dibuat oleh Responden-responden pada 17 Julai 2014 melalui fatwa, dengan nombor rujukan MAIS/SU/BUU/01-2/002/2013-3(4), yang digazetkan pada 31 Julai 2014 di bawah Bahagian III Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 (Enakmen 1 Tahun 2003) memandangkan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor 2003 (Enakmen I Tahun 2003) serta bidang kuasa Responden-responden hanyalah terpakai kepada individu yang memprofes agama Islam.

1.4. satu perintah *certiorari* untuk memastikan keputusan yang dibuat oleh Responden-responden pada 17 Julai 2014 melalui fatwa, dengan nombor rujukan MAIS/SU/BUU/01-2/002/2013-3(4), yang digazetkan pada 31 Julai 2014 di bawah Bahagian III Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 (Enakmen 1 Tahun 2003 yang memiliki kesan untuk kononnya:

(a) mentakrifkan "SIS Forum (Malaysia) dan mana-mana individu, pertubuhan atau institusi yang berpegang kepada fahaman liberalisme dan pluralisme agama" sebagai "sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam";

A (b) mengharamkan, meskipun kuasa sebegitu tidak terletak di tangan Responden-responden, dan memberi kuasa *carte blance* kepada mana-mana pihak untuk merampas "mana-mana bahan terbitan yang berunsur pemikiran-pemikiran fahaman liberalisme dan pluralisme agama";

B (c) mengarahkan *inter alia* suatu agensi Persekutuan iaitu khususnya Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk "menyekat laman-laman sosial yang bertentangan dengan ajaran Islam dan Hukum Syarak"; dan

(d) mengarahkan mana-mana individu yang berpegang kepada fahaman liberalisme dan pluralisme agama untuk bertaubat dan kembali ke
C jalan Islam untuk dibawa ke dalam Mahkamah Tinggi untuk dibatalkan dengan serta merta.

Keputusan HMT

[10] Peruntukan per. 121(1A) Perlembagaan Persekutuan adalah jelas
D bahawa mahkamah sivil tidak mempunyai bidang kuasa terhadap mana-mana perkara yang berada dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah. Perkara dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah diperuntukkan di bawah per. 74 yang dibaca bersama-sama dengan item 1, Senarai Kedua dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.

E **[11]** Persoalannya adalah, sama ada *Warta Fatwa* tersebut berada di bawah Senarai Kedua dalam Jadual Kesembilan, khususnya, di bawah kategori "kawalan menyebarkan doktrin dan kepercayaan dalam kalangan orang yang menganut Agama Islam" atau "penentuan perkara undang-undang Islam". Setelah meneliti afidavit jawapan oleh Mufti, HMT berpendapat bahawa
F *Warta Fatwa* tersebut adalah berkait dengan undang-undang Islam yang bertujuan untuk mengawal atau menyekat fahaman liberalisme dan pluralisme dalam kalangan penganut agama Islam. Oleh itu, penyediaan dan penerbitan *Warta Fatwa* tersebut adalah selaras dengan kuasa di bawah per. 11(4) Perlembagaan Persekutuan dan s. 47 EPAIS. Lagipun, segala
G prosedur yang ditetapkan di bawah s. 48 EPAIS bagi penyediaan dan penerbitan *Warta Fatwa* tersebut telah dipatuhi R1.

[12] Selanjutnya, s. 66A EPAIS menyediakan jalan bagi mana-mana orang untuk memohon semakan kehakiman terhadap keputusan mana-mana jawatankuasa yang menjalankan fungsinya di bawah EPAIS, termasuklah R1
H yang menjalankan fungsinya di bawah s. 47 EPAIS dalam menyedia dan menerbitkan fatwa. Mahkamah berpendapat bahawa hanya berdasarkan alasan bidang kuasa sahaja, permohonan pemohon untuk semakan kehakiman pastinya gagal.

[13] Mengenai isu-isu lain yang dibangkitkan, pihak pemohon gagal
I menunjukkan bahawa *Warta Fatwa* tersebut adalah bertentangan dengan prinsip asas yang digariskan Perlembagaan Persekutuan, undang-undang Persekutuan khususnya Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) dan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Akta 301).

[14] Berhubung dengan status P1, iaitu sebuah syarikat yang dikatakan tidak tergolong dalam "orang" yang boleh menganut agama Islam dan tidak boleh terikat dengan *Warta Fatwa* tersebut, keseluruhan keterangan perlulah dirujuk. P1 dengan nama sinonimnya "Sisters in Islam" cukup jelas menggambarkan kaitannya dengan Islam. Pengasas, pentadbir serta ahlinya adalah beragama Islam dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan juga berkaitan dengan agama Islam. P1 tidak boleh berselindung di sebalik statusnya untuk membawa dan menyebarkan pegangan yang bercanggah dengan ajaran Islam. Tirai perbadanan P1 boleh disingkap bagi mendedahkan individu-individu yang menjadi penentu hala tuju P1. Oleh itu, *Warta Fatwa* tersebut terpakai kepada P1.

Rayuan Di Hadapan Kami

[15] Pihak pemohon telah membangkitkan empat alasan utama rayuan dalam memorandum rayuan. Secara ringkasnya, alasan pertama adalah berkait dengan isu bidang kuasa semakan Mahkamah Tinggi bagi menyemak *Warta Fatwa* tersebut. Kedua, penerbitan *Warta Fatwa* tersebut telah melanggar undang-undang Persekutuan iaitu Akta 301 dan Akta 588. Ketiga, *Warta Fatwa* tersebut bercanggah dengan per. 5, 8 dan 10 Perlembagaan Persekutuan serta telah melanggar prinsip keadilan asasi apabila gagal mematuhi prosedur yang diperuntukkan di bawah s. 48 EPAIS dan dengan itu, ia adalah tidak sah, tidak rasional atau gagal mematuhi prosedur yang ditetapkan di bawah undang-undang. Keempat adalah mengenai isu bidang kuasa R1 menyediakan dan menerbitkan *Warta Fatwa* tersebut terhadap P1 dan isu penyingkapan tirai perbadanan.

Analisis Dan Dapatan Kami

Bidang Kuasa Mendengar Semakan Kehakiman

[16] Semasa mendengar rayuan ini, isu berhubung dengan bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah mendengar semakan kehakiman di bawah s. 66A EPAIS telah diputuskan Mahkamah Persekutuan sepertimana yang dilaporkan dalam keputusan kes *SIS Forum (Malaysia) v. Kerajaan Negeri Selangor; Majlis Agama Islam Selangor (Intervener)* [2022] 3 CLJ 339; [2022] 2 MLJ 356; [2022] 3 MLRA 219 (kes *SIS Forum*). Dalam kes *SIS Forum*, Mahkamah Persekutuan yang dianggotai oleh sembilan orang ahli panel telah memutuskan bahawa hanya Mahkamah Tinggi Sivil yang ada bidang kuasa mendengar semakan kehakiman dan peruntukan s. 66A EPAIS yang memberikan kuasa kepada Mahkamah Syariah telah diisytiharkan sebagai tidak sah dan batal kerana bertentangan dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Dengan itu, undang-undang berhubung dengan bidang kuasa mahkamah bagi mendengar permohonan semakan kehakiman telah menjadi mantap dan mahkamah ini adalah terikat dengan keputusan Mahkamah Persekutuan tersebut.

Isu Bidang Kuasa Bagi Mendengar Permohonan Pihak Pemohon

[17] Dalam rayuan di hadapan kami, perkara asas yang menjadi pertikaian pihak pemohon dalam semakan kehakiman di hadapan MTKL adalah berpaksikan kepada *Warta Fatwa* tersebut. Untuk memudahkan rujukan dan pemahaman, diperturunkan keseluruhan *Warta Fatwa* tersebut sepertimana berikut:

Sel.P.U.28 Enakmen Pentadbiran Agama Islam
(Negeri Selangor) 2003
Fatwa Di Bawah Seksyen 47

MENURUT seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [En. 1/2003], Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Selangor, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan menyediakan fatwa yang dinyatakan dalam Jadual dan disiarkan menurut subseskyen 48(6) Enakmen itu.

Administration Of The Religion Of Islam (State Of Selangor)
Enactment 2003
Fatwa Under Section 47

PURSUANT to section 47 of the Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003 [En. 1/2003], the Fatwa Committee for the State of Selangor, on the direction of His Royal Highness the Sultan prepare the Fatwa as set out in the Schedule and is published pursuant to subsection 48(6) of the Enactment.

Jadual/Schedule
Fatwa Pemikiran Liberalisme Dan Pluralisme Agama

1. SIS Forum (Malaysia) dan mana-mana individu, pertubuhan atau institusi yang berpegang kepada fahaman liberalisme dan pluralisme agama adalah sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam.

2. Mana-mana bahan terbitan yang berunsur pemikiran-pemikiran fahaman liberalisme dan pluralisme agama hendaklah diharamkan dan boleh dirampas.

3. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) hendaklah menyekat laman-laman sosial yang bertentangan dengan ajaran Islam dan Hukum Syarak.

4. Mana-mana individu yang berpegang kepada fahaman liberalisme dan pluralisme agama hendaklah bertaubat dan kembali ke jalan Islam.

Bertarikh 17 Julai 2014

Dated 17 July 2014
[MAIS/SU/BUU/01-2/002/2013-3(4);
P.U.Sel. (ADV) PS 05/4/12]

Dengan Titah Perintah/By Command

Dato' Setia Haji Mohd Tamyes Bin Abd Wahid
Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Selangor/
Chairman of the Fatwa Committee of Selangor

[18] Dalam permohonan pihak pemohon di MTKL, mereka kemukakan permohonan semakan kehakiman melalui Borang 109 di bawah A. 53, Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 (KKM 2012). Relief yang dipohon adalah untuk mendapatkan perintah *certiorari* bagi membatalkan *Warta Fatwa* tersebut dan turut memohon beberapa perintah deklarasi lain yang bersangkutan dengan niat dan tindakan mereka untuk membatalkan *Warta Fatwa* tersebut.

[19] Semasa berhujah di hadapan kami, peguam R2 menegaskan bahawa penentuan hukum oleh R1 melalui penerbitan *Warta Fatwa* tersebut tidak boleh tertakluk kepada semakan kehakiman di Mahkamah Tinggi Sivil. Alasannya, perkara pokok yang diketengahkan dalam semakan kehakiman pihak pemohon adalah berpaksikan kepada perkara yang berkaitan dengan Hukum Syarak dalam agama Islam, iaitu suatu perkara yang berada dalam bidang kuasa eksklusif Mahkamah Syariah. Walaupun hujahan tersebut dibantah keras oleh peguam pihak pemohon kerana dikatakan tidak pernah dibangkitkan sebelum ini, kami berpandangan bahawa ianya adalah suatu persoalan undang-undang yang relevan dan berkaitan secara langsung dengan perkara yang menjadi persoalan dalam tindakan pihak pemohon. Ini kerana, isu sama ada Mahkamah Tinggi Sivil ada bidang kuasa untuk mendengar permohonan semakan kehakiman oleh pihak pemohon berkaitan dengan *Warta Fatwa* tersebut adalah merupakan perkara utama yang diputuskan HMT. Lihat perenggan 6 alasan penghakiman HMT.

[20] Lagipun, sekiranya benarlah perkara tersebut tidak pernah dihujahkan sebelum ini, kami di peringkat rayuan boleh membenarkan satu perkara baharu dibangkitkan buat kali pertama apabila kepentingan keadilan memerlukannya. Faktor-faktor yang menyokong dan menentang penerimaan suatu perkara baharu tersebut mesti ditimbang secara seimbang untuk menentukan keadilan dapat dicapai. Lihat keputusan mahkamah ini dalam kes *Luggage Distributors (M) Sdn Bhd v. Tan Hor Teng & Anor* [1995] 3 CLJ 520; [1995] 1 MLJ 719 dan kes *Tan Tek Seng v. Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan & Anor* [1996] 2 CLJ 771; [1996] 1 MLJ 261.

[21] Oleh itu, kami berpandangan bahawa persoalan sama ada *Warta Fatwa* tersebut boleh tertakluk kepada semakan kehakiman ataupun sebaliknya adalah satu persoalan undang-undang yang secara langsung berkait dengan bidang kuasa HMT. la adalah satu persoalan teras yang perlu diputuskan bagi menentukan sama ada permohonan pihak pemohon boleh didengar dan diputuskan oleh HMT. Bagi menentukan sama ada HMT ada bidang kuasa untuk mendengar semakan kehakiman yang dikemukakan pihak pemohon, peruntukan undang-undang berhubung dengan punca kuasa dan perkara-perkara yang berkaitan dengan penerbitan *Warta Fatwa* tersebut perlulah dilihat.

[22] Kami mulakan dengan persoalan apa itu fatwa? Tiada mana-mana undang-undang yang mentakrifkan makna fatwa, termasuklah EPAIS. Hasil daripada carian atas talian di beberapa laman sesawang bagi mendapatkan makna atau definisi fatwa, adalah sepertimana berikut:

(i) https://www.britannica.com

fatwa, in Islam, a formal ruling or interpretation on a point of Islamic law given by a qualified legal scholar (known as a mufti). Fatwas are usually issued in response to questions from individuals or Islamic courts. Though considered authoritative, fatwas are generally not treated as binding judgments; a requester who finds a fatwa unconvincing is permitted to seek another opinion.

(ii) https://mufti.penang.gov.my

Definisi Fatwa (Bahasa). Pada bahasa, ia diambil daripada afta-ifta'an yang memberi maksud menjelas dan menghuraikan hukum permasalahan.

Definisi Fatwa (istilah). Pada istilahnya pula, fatwa mempunyai pelbagai definisi antaranya: Fatwa adalah sebagai jawapan yang dibuat oleh Mufti pada perkara yang berlaku apabila diajukan soalan kepadanya. Fatwa ialah mengkhabarkan hukum Allah SWT sama ada pada yang mesti atau harus.

(iii) https://www.muftiselangor.gov.my

Fatwa berasal dari bahasa arab iaitu *fata-yaftu-fatwa* atau *futya*. la membawa maksud menjawab perkara-perkara yang menjadi kemusykilan, seperti seseorang berkata "meminta fatwa daripadanya maka dia pun memberi fatwa" (Ibrahim Najaib Muhammad Iwad, Al-Qada fi Al-lslam, Kahirah: Majma' Al-Bunuth Al-lslamiyyah:1975 hal:10).

Fatwa dari segi istilah ialah pemberitahuan tentang sesuatu hukum syara' berdasarkan istinbat yang dilakukan oleh seseorang mufti yang mempunyai kewibawaan dalam Islam untuk memberi jawapan kepada sesuatu kemusykilan, walau bagaimanapun jawapannya itu tidak mengikat.

(iv) https://www.facebook.com/MyJAKIMmalaysia

Definisi Fatwa Pada bahasa diambil daripada afta-ifta'an yang memberi maksud menjelas dan menghuraikan hukum permasalahan. Pada istilahnya pula, fatwa mempunyai pelbagai definisi antaranya:

(a) Fatwa adalah sebagai jawapan oleh mufti pada perkara yang berlaku apabila diajukan soalan kepadanya.

(b) Fatwa ialah mengkhabarkan hukum Allah SWT sama ada pada yang mesti atau harus.

(v) https://prpm.dbp.gov.my

Definisi: Ar keputusan tentang sesuatu hukum agama (yg belum diputuskan lagi) berdasarkan nas al-Quran dan, hadis, dan sumber hukum lain, termasuk ijtihad oleh mufti (atau mereka yg berwenang tentang

keputusan hukum syarak); berfatwa memberikan (mengeluarkan) fatwa: pemimpin yg jahil itu pun ~lah dengan tiada ilmu pengetahuan; memfatwakan memberikan fatwa. (kamus Dewan Edisi Keempat)

Manakala pandangan oleh Prof Datuk Dr Shamrahayu Ab Aziz yang disiarkan dalam laman sesawang https://www.ikim.gov.my, berhubung dengan tajuk Fatwa dan Demokrasi adalah sepertimana berikut:

Fatwa adalah salah satu sumber hukum perundangan Islam. Di Malaysia, secara amalannya fatwa dibuat oleh mereka yang dilantik khusus berkaitan kefatwaan sama ada sebagai mufti atau jawatankuasa fatwa. Dalam proses membuat fatwa, para pakar dalam bidang berkaitan diberikan ruang untuk membantu mufti dan jawatankuasa fatwa membuat keputusan tentang hukum syarak. Pada kebiasaannya mufti tidak mengeluarkan fatwa secara bersendiri.

Apabila sebuah fatwa dikeluarkan dan sekiranya diwartakan ia akan menjadi undang-undang yang wajib dipatuhi.

Dalam keadaan ini ada pihak berhujah bahawa proses kefatwaan tidak menepati kehendak demokrasi, yang mana, semua peraturan dan undang-undang hendaklah diluluskan menerusi proses dalam Dewan Perundangan. Sekiranya prosedur perundangan tidak ditepati maka ia tidak menepati demokrasi.

Bagi menjelaskan tentang kedudukan fatwa dalam sistem demokrasi, fatwa di negara kita ini sepenuhnya berkaitan soal hukum syarak, ia bukan undang-undang dalam konteks faham undang-undang mengenai maslahat awam yang diluluskan oleh Parlimen. Hukum Syarak tidak perlu dibahas melalui proses demokrasi. Keputusan hukum syarak hanya boleh dibuat oleh mereka yang pakar dalam soal hukum syarak setelah mendapatkan maklumat atau pengetahuan daripada mereka yang pakar dalam hal berkaitan permasalahan yang memerlukan pernyataan kedudukannya di sisi hukum syarak.

Sementara itu, dalam kes *Sulaiman Takrib v. Kerajaan Negeri Terengganu; Kerajaan Malaysia (Intervener) & Other Cases* [2009] 2 CLJ 54; [2009] 6 MLJ 354 (kes *Sulaiman Takrib*) Mahkamah Persekutuan telah merujuk kepada definisi fatwa yang diberikan oleh pakar perundangan Islam dan dinyatakan sepertimana berikut:

[96] Before we proceed, let us understand what a fatwa is. Fatwa is an Arabic word which is not defined in either the AIRA 1986 or AIRA 2001. The petitioner quoted the definition of fatwa from one of the experts, Mohamad Hashim Kamali in his book *Islamic Law in Malaysia: Issues and Developments* (Kuala Lumpur, 2000):

> As a juristic concept, "fatwa" signifies an opinion, verdict, or response, of a learned scholar of Shari'a over an issue in which a response has been solicited.

Another reference made by the petitioner is to Farid Sufian Shuaib in his book *Powers and Jurisdiction of Syariah Courts in Malaysia* (Malayan Law Journal 2003) where he defined a fatwa as;

A

> ... a formal legal opinion given by an Islamic Jurist or a body of Islamic Jurists in an answer to a question submitted to the Islamic Jurist or the body of Islamic Jurists.

[23] Sekiranya dilihat pula kepada peruntukan undang-undang yang memberikan kuasa kepada R1 untuk menyediakan fatwa, secara jelasnya ada
B diperuntukkan bahawa R1 boleh menyediakan suatu fatwa atas apa-apa persoalan yang belum muktamad atau yang menimbulkan kontroversi berhubungan dengan Hukum Syarak. Untuk memudahkan rujukan peruntukan s. 47 EPAIS adalah sepertimana berikut:

> Kuasa Jawatankuasa fatwa untuk menyediakan fatwa.
>
C
> Tertakluk kepada seksyen 51, Jawatankuasa Fatwa hendaklah, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan, dan bolehlah atas kehendaknya sendiri atau atas permintaan oleh mana-mana orang yang dibuat melalui surat yang dialamatkan kepada Mufti, menyediakan suatu fatwa **atas apa-apa persoalan yang belum muktamad atau yang menimbulkan**
D **kontroversi berhubungan dengan Hukum Syarak**. (penekanan ditambah)

[24] Dari segi keterangan pula, dalam afidavit jawapan R1 dan R3 (AJR-R1&R3) yang diikrarkan Dato' Setia Hj Mohd Tamyes bin Abd Wahid (DSMT), Mufti Kerajaan Negeri Selangor ada membuat kenyataan berikut di perenggan 16 AJR-R1 & R3:

E

> Saya mengatakan bahawa fatwa dibuat untuk memberi penerangan dan tafsiran serta hukum terhadap perkara-perkara yang bersangkutan dengan hukum hakam Islam termasuklah syariah, akidah dan akhlak.

Pernyataan DSMT yang menyatakan bahawa sifat suatu fatwa tersebut adalah untuk memberi penerangan dan tafsiran ke atas Hukum Syarak tidak
F pula disangkal oleh mana-mana pemohon. Tiada pendapat dan/atau pandangan lain yang dikemukakan bagi menyangkal kenyataan DSMT tersebut. Daripada afidavit balasan P1 dan P2 yang dapat dilihat di Lampiran 9 Rekod Rayuan (RR), pihak pemohon hanya mengemukakan jawapan dalam bentuk penafian secara umum dengan bersandarkan hak-hak individu yang
G ada diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan keadaan tersebut, pernyataan DSMT perlulah diterima sebagai suatu keterangan yang tidak disangkal. Lihat keputusan mahkamah ini dalam kes *Ng Hee Thoong & Anor. v. Public Bank Bhd* [1995] 1 CLJ 609; [1995] 1 MLJ 281 (kes *Ng Hee Thong*).

H

[25] Berdasarkan kepada makna atau definisi fatwa, keterangan oleh DSMT dan juga peruntukan undang-undang di bawah EPAIS, bolehlah disimpulkan bahawa suatu fatwa itu adalah salah satu sumber hukum dalam perundangan Islam yang diperoleh daripada pendapat dan/atau pandangan pihak yang berwenang dan berwibawa mengemukakannya bersandarkan
I kepada Hukum Syarak. Dengan kata lain, pendapat dan/atau pandangan berhubung dengan ketetapan hukum dalam sesuatu fatwa hanya boleh dibuat oleh mereka yang pakar dalam soal Hukum Syarak dengan bersandarkan

sumber hukum yang sahih seperti nas al-Quran, hadis dan sumber hukum lain, termasuklah ijtihad, dan ketetapan tersebut dibuat setelah diperoleh maklumat lengkap hal permasalahan yang berbangkit.

[26] Oleh kerana *Warta Fatwa* tersebut berpaksikan kepada ketetapan di bawah Hukum Syarak, maka segala pertikaian berhubung dengan isi kandungannya sudah tentulah berada dalam bidang kuasa eksklusif Mahkamah Syariah dan bukannya mahkamah sivil. Dalam hal ini, kami merujuk kepada keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *SIS Forum* telah memutuskan bahawa:

> [78] As regards the procedure, it necessarily requires compliance with written law and the failure to do so might result in the issuance of public law remedies that can only be issued by the Civil Superior Courts. *The contents of the fatwa and their interpretation are a different story and a matter purely for the jurisdiction of the Syariah Courts to the extent that it relates to "hukum syarak" or personal law* and not matters which objectively might be taken to contradict any written law (federal or State statutes or even the FC for that matter).
>
> [79] *Thus, simply put, if the vires of any fatwa or the conduct of the Fatwa Committee is challenged purely on the basis of constitutional or statutory compliance, then it is a matter for the civil courts. If the question pertains to the matters of the faith or the validity of the contents of the fatwa tested against the grain of Islamic law, then the appropriate forum for review or compliance is the Syariah Courts.*
>
> [80] The above is consonant with the intricate balance drawn between the civil courts on the one side and the Syariah Courts on the other - the latter having powers over matters which relate only to personal law and adat in substance. See also the decision of the Court of Appeal in *Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama & Ors v. Maqsood Ahmad & Ors And Another Appeal* [2021] 1 MLJ 120 ('*Maqsood Ahmad*') which judgment explains the historical reasons for this demarcation, the problems posed and how they ought to be addressed. *Maqsood Ahmad* is incidentally approved by this court in *Rosliza*. (penekanan ditambah)

Lihat juga keputusan Mahkamah Agung dalam kes *Dalip Kaur Gurbux Singh v. Pegawai Polis Daerah (OCPD), Bukit Mertajam & Anor* [1991] 3 CLJ 2768; [1991] 1 CLJ (Rep) 77; [1992] 1 MLJ 1 dan keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Hj Raimi Abdullah v. Siti Hasnah Vangarama Abdullah & Another Appeal* [2014] 4 CLJ 253; [2014] 3 MLJ 757.

[27] Jika dilihat kepada sub-perenggan 1.4(a) dan (d) permohonan, pihak pemohon telah memohon perintah *certiorari* berasaskan alasan-alasan berikut:

> 1.4. satu perintah *certiorari* untuk memastikan keputusan yang dibuat oleh Responden-responden pada 17 Julai 2014 melalui fatwa, dengan nombor rujukan MAIS/SU/BUU/01-2/002/2013-3(4), yang digazetkan pada 31 Julai 2014 di bawah Bahagian III Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 (Enakmen 1 Tahun 2003 yang memiliki kesan untuk kononnya:

A (a) mentakrifkan "SIS Forum (Malaysia) dan mana-mana individu, pertubuhan atau institusi yang berpegang kepada fahaman liberalisme dan pluralisme agama" sebagai "sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam";

...

B (d) mengarahkan mana-mana individu yang berpegang kepada fahaman liberalisme dan pluralisme agama untuk bertaubat dan kembali ke jalan Islam ... .

Daripada butir-butir permohonan tersebut, jelaslah bahawa pihak pemohon dalam permohonan semakan kehakiman di hadapan HMT telah secara C langsung mempertikaikan pendapat dan/atau pandangan R1 berhubung dengan hal perkara yang tergolong dalam penentuan Hukum Syarak. Di sub-perenggan 1.4(a), pihak pemohon mempertikaikan pentakrifan R1 ke atas P1 dan ahlinya yang berpegang kepada fahaman liberalisme dan pluralisme agama dan di sub-perenggan 1.4(d) pula, pihak pemohon D mempertikaikan penentuan hukum oleh R1 di bawah Hukum Syarak yang memerlukan mereka yang berpegang kepada fahaman liberalisme dan pluralisme agama untuk bertaubat dan kembali ke jalan Islam.

[28] Nyatalah, perkara-perkara yang dipertikaikan tersebut hanya berada dalam pengetahuan mereka yang pakar dalam Hukum Syarak dan perlu E dibicarakan dan diputuskan di Mahkamah Syariah, bukannya di mahkamah sivil. Oleh kerana perintah yang dipohon di perenggan 1.4 permohonan adalah merupakan perkara pokok dalam semakan kehakiman pihak pemohon terhadap pihak responden, maka kami bersependapat dengan HMT yang mana telah memutuskan bahawa Mahkamah Tinggi tiada bidang kuasa untuk F mendengar dan memberikan perintah seperti yang dipohon.

[29] Selain itu, undang-undang juga memperuntukkan bahawa suatu fatwa boleh berubah atau diubah melalui pindaan, pengubahsuaian atau pembatalan. Untuk memudahkan rujukan, diperturunkan peruntukan berkaitan s. 50 EPAIS sepertimana berikut:

G Seksyen 50. Pindaan, ubahsuaian atau pembatalan fatwa.

(1) Jawatankuasa Fatwa boleh meminda, mengubahsuaikan atau membatalkan mana-mana fatwa yang telah disiarkan dalam *Warta* di bawah Enakmen ini, atau di bawah Enakmen terdahulu.

H (2) Sesuatu pindaan, ubahsuaian atau pembatalan sesuatu fatwa hendaklah disifatkan sebagai suatu fatwa dan peruntukan-peruntukan seksyen 48, kecuali subseksyen 48(7), hendaklah terpakai baginya.

(3) Sesuatu pindaan, ubahsuaian atau pembatalan sesuatu fatwa yang disiarkan dalam *Warta* hendaklah disertakan dengan pernyataan bahawa I fatwa itu dibuat di bawah subseksyen (1).

[30] Peruntukan undang-undang tersebut jelas menggambarkan bahawa suatu fatwa itu adalah dinamik sifatnya. Pendapat dan/atau pandangan R1 yang dibuat melalui *Warta Fatwa* tersebut berhubung dengan Hukum Syarak yang berkaitan dengan sesuatu permasalahan yang dibangkitkan terhadap P1 masih boleh dipinda, diubahsuai atau dibatalkan sesuai dengan keadaannya. Pihak pemohon boleh pada bila-bila masa memohon R1 mengkaji semula *Warta Fatwa* tersebut sekiranya dapat dibuktikan bahawa falsafah dan pegangan mereka bukanlah terjumlah kepada fahaman liberalisme dan pluralisme agama, yang telah didapati sesat dan menyeleweng daripada ajaran sebenar agama Islam. Dengan itu, peruntukan di bawah s. 50 EPAIS itu sendiri adalah satu petunjuk bahawa *Warta Fatwa* tersebut atau mana-mana fatwa yang dibuat R1 bukanlah suatu keputusan yang muktamad sifatnya. Dengan sifat sebegitu, kami berpandangan bahawa suatu fatwa itu bukanlah terjumlah kepada suatu keputusan yang boleh dicabar melalui semakan kehakiman. la secara langsung menyentuh soal bidang kuasa HMT memutuskan permohonan pihak responden.

Semakan Kehakiman Pihak Pemohon

[31] Sebaliknya, sekiranya diterima hujahan peguam pihak pemohon yang menegaskan bahawa permohonan pihak pemohon bukannya terjumlah kepada tindakan mempertikaikan Hukum Syarak, tetapi ia adalah berasaskan cabaran terhadap perkara prosedur yang dikatakan telah gagal dipatuhi pihak responden sekalipun, kami masih berpandangan dan mendapati bahawa rayuan pihak pemohon tidak bermerit untuk diberikan pertimbangan berasaskan alasan-alasan yang akan dinyatakan selepas ini.

[32] Kami mulai dengan merujuk kepada prinsip asas undang-undang berhubung pertimbangan yang perlu dibuat oleh mahkamah ketika berdepan dengan suatu permohonan semakan kehakiman. House of Lords dalam kes *Chief Constable of North Wales Police v. Evans* [1982] 3 All ER 141 telah memutuskan sebagaimana berikut:

> Judicial review is not an appeal from a decision but a review of the manner in which the decision was made, and, therefore the court is not entitled on an application for judicial review to consider whether the decision itself was fair and reasonable.
>
> Judicial review is concerned, not with the decision, but with the decision-making process. Unless the restriction on the power of the court is observed, the court will in my view under the guise of preventing the abuse of power, be itself guilty of usurping power.

[33] Terdapat banyak keputusan terdahulu mahkamah tertinggi di negara kita yang membuat keputusan yang sama. Di antaranya, dalam kes *Harpers Trading (M) Sdn Bhd v. National Union Of Commercial Workers* [1991] 2 CLJ 881; [1991] 1 CLJ (Rep) 159; [1991] 1 MLJ 417, Mahkamah Agung ada membuat pemerhatian dan memutuskan sepertimana berikut:

A At the hearing of this appeal, we drew at the earliest opportunity the attention of counsel for the appellant while submitting his arguments on the first three grounds that the High Court was not concerned with an appeal but with judicial review by way of *certiorari* as we felt that counsel was really engaged in arguing the appeal on the merits of the trade dispute. We invited counsel to address us on why *certiorari* should be B granted to the appellant instead of making his submission on the question of erroneous finding of the Industrial Court on the facts as it found them. It seems to us that it should be treated as trite law that judicial review is not an appeal from a decision but a review of the manner in which the decision was made and the High Court is not entitled on an application for judicial review to consider whether the decision itself, on the merits C of the facts, was fair and reasonable. There is no dearth of authorities on this proposition – *Tan Hin Jin & Anor v. Prabhulal G Doshi* [1971] 1 MLJ 274 per Azmi LP at p. 275 quoting Morris LJ in *R v. Northumberland Compensation Appeal Tribunal, ex p Shaw* [1952] 1 KB 338 at p. 357; *Minister of Labour and Manpower & Anor v. Paterson Candy (M) Sdn Bhd* [1980] 2 MLJ D 122 per Chang Min Tat FJ at p. 125; *Hotel Equatorial (M) Sdn Bhd v. National Union of Hotel, Bar and Restaurant Workers* [1984] 1 MLJ 363 per Seah FJ at p. 368 and *Goon Kwee Phoy v. J & P Coats (M) Bhd* [1981] 2 MLJ 129 per Raja Azlan Shah CJ (Malaya) (as he then was) at p. 136 paras A-C in the right hand column.

E **[34]** Semasa membuat pertimbangan, alasan-alasan yang boleh diambil kira oleh mahkamah bagi menyemak suatu keputusan oleh badan atau tribunal adalah, keputusan tersebut telah dicemari dengan kesilapan undang-undang, tidak rasional atau berlakunya ketidakaturan prosedur. Dalam kes *R Rama Chandran v. Industrial Court Of Malaysia & Anor* [1997] 1 CLJ 147; [1997] 1 MLJ 145, Mahkamah Persekutuan ada membuat pemerhatian sepertimana F berikut:

It is often said that Judicial Review is concerned not with the decision but the decision-making process. (See *eg*, *Chief Constable of North Wales Police v. Evans* [1982] 1 WLR 1155). This proposition, at full face value, may well convey the impression that the jurisdiction of the courts in Judicial G Review proceedings is confined to cases where the aggrieved party has not received fair treatment by the authority to which he has been subjected. Put differently, in the words of Lord Diplock in *Council of Civil Service Unions & Ors v. Minister for the Civil Service* [1985] AC 374, where the impugned decision is flawed on the ground of procedural impropriety.

H But Lord Diplock's other grounds for impugning a decision susceptible to Judicial Review make it abundantly clear that such a decision is also open to challenge on grounds of "illegality" and "irrationality" and, in practice, this permits the courts to scrutinise such decisions not only for process, but also for substance.

I In this context, it is useful to note how Lord Diplock (at pp. 410-411) defined the three grounds of review, *to wit*, (i) illegality, (ii) irrationality, and (iii) procedural impropriety. This is how he put it:

> By "illegality" as a ground for Judicial Review I mean that the decision maker must understand directly the law that regulates his decision-making power and must give effect to it. Whether he has or not is par excellence a justiciable question to be decided, in the event of a dispute, by those persons, the judges, by whom the judicial power of the state is exercisable.
>
> By "irrationality" I mean what can by now be succinctly referred to as "*Wednesbury* unreasonableness" (see *Associated Provincial Picture Houses Ltd v. Wednesbury Corp* [1948] 1 KB 223). It applies to a decision which is so outrageous in its defiance of logic or of accepted moral standards that no sensible person who had applied his mind to the question to be decided could have arrived at it. Whether a decision falls within this category is a question that judges by their training and experience should be well equipped to answer, or else there would be something badly wrong with our judicial system. To justify the courts' exercise of this role, resort I think is today no longer needed to Viscount Radcliffe's ingenious explanation in *Edwards v. Bairstow* [1956] AC 14, of irrationality as a ground for a court's reversal of a decision by ascribing it to an inferred though undefinable mistake of law by the decision maker. "Irrationality" by now can stand on its own feet as an accepted ground on which a decision may be attacked by Judicial Review.
>
> I have described the third head as "procedural impropriety" rather than failure to observe basic rules of natural justice or failing to act with procedural fairness towards the person who will be affected by the decision. This is because susceptibility to Judicial Review under this head covers also failure by an administrative tribunal to observe procedural rules that are expressly laid down in the legislative instrument by which its jurisdiction is conferred, even where such failure does not involve any denial of natural justice.
>
> Lord Diplock also mentioned "proportionality" as a possible fourth ground of review which called for development.

[35] Sekiranya dilihat kepada hujahan peguam pihak pemohon sama ada hujahan secara bertulis mahupun hujahan lisan di hadapan kami, secara keseluruhannya hujahan-hujahan tersebut adalah tertumpu kepada dua isu utama iaitu isu kesilapan undang-undang dan isu ketidakpatuhan prosedur yang katakan telah dilakukan pihak responden semasa menyediakan dan menerbitkan *Warta Fatwa* tersebut.

Locus R1 Terhadap P1

[36] Perkara pertama yang menjadi pertikaian peguam pihak pemohon adalah berhubung dengan isu bidang kuasa R1 menyediakan *Warta Fatwa* tersebut terhadap P1, sebuah syarikat iaitu satu identiti jadian di bawah undang-undang dan bukannya manusia. Peguam pihak pemohon merujuk

kepada keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Kesultanan Pahang v. Sathask Realty Sdn Bhd* [1998] 2 CLJ 559; [1998] 2 MLJ 513 dan juga perenggan [88] dan perenggan [89] dalam keputusan kes *SIS Forum*, dan berhujah bahawa sebuah syarikat tidak boleh menganut agama Islam. Atas alasan tersebut, dihujahkan bahawa R1 tidak ada *locus* untuk menyediakan dan menerbitkan *Warta Fatwa* tersebut, dan ia adalah tidak sah di sisi undang-undang.

[37] Dengan hormatnya, kami mendapati bahawa hujahan peguam pihak pemohon tersebut tidak tepat dan juga salah tempat. Untuk memudahkan rujukan, diperturunkan keputusan kes *SIS Forum* di bawah tajuk "*Persons Professing The Religion Of Islam*" sepertimana berikut:

> 'Persons' professing the religion of Islam
>
> [86] I now turn to briefly consider Dato Malik's argument that the definition accorded to "Muslim" by s. 2 of ARIE 2003 is not in conformity with item 1 of the State List because effectively only a natural person may "profess" the religion of Islam.
>
> [87] As I understand it, the constitutionality of s. 2 has not been challenged in this petition. Even if it was, the issue might only be addressed in the appellate jurisdiction of this court and not its original jurisdiction as is presently invoked.
>
> [88] Regardless, it is my view that the petitioner's argument is relevant within the context of the present competency challenge against s. 66A of the ARIE 2003. The opening words of item 1 read: "Islamic law and personal and family law of persons professing the religion of Islam". This indicates that the *ratione materiae* jurisdiction of the Syariah Courts was intended only to cover the subject matter of personal laws which would by their nature only apply to natural persons.
>
> [89] Further, the word "profess" in its natural and ordinary meaning suggests a declaration of faith which is something an artificial or juridical person is incapable of doing (see *Kesultanan Pahang v. Sathask Realty Sdn Bhd* [1998] 2 MLJ 513)
>
> [90] The interpretation of the phrase "persons professing the religion of Islam" and reading the purpose of item 1 suggest that item 1 could not have contemplated and was never intended to confer judicial review powers on the Syariah Courts simply by defining the intervener as a "Muslim". Judicial review, by its very nature, involves supervising administrative bodies by reference to public law powers vested in them. There is no regard to religion.
>
> [91] I, therefore, find that the attempt to confer jurisdiction of judicial review on the Syariah Courts by purporting to define the "Majlis" as a "Muslim" is beside the point notwithstanding s. 2 of the ARIE, and s. 66A of the same therefore stands unconstitutional.

Sekiranya dibaca secara keseluruhan keputusan kes *SIS Forum* daripada perenggan [86] hingga perenggan [91], jelaslah bahawa *obiter dictum* yang dinyatakan adalah dalam konteks cabaran terhadap bidang kuasa semakan kehakiman Mahkamah Syariah di bawah s. 66A EPAIS sahaja. Perkara tersebut secara nyata disebut di awal perenggan [88]. Lagipun, *dictum* tersebut memberikan penekanan kepada makna asal dan makna biasa perkataan "menganut" ('profess') yang jelas merujuk kepada "suatu pengisytiharan untuk beriman", yang hanya mampu dilakukan oleh manusia sahaja dan tidak mampu dilakukan oleh sebuah entiti jadian.

[38] Berbalik kepada isu penyediaan dan penerbitan *Warta Fatwa* tersebut, kami berpandangan bahawa isu anutan agama oleh P1 tidak berbangkit dan tidak perlu dibangkitkan sama sekali. Dalam konteks *Warta Fatwa* tersebut, pendapat dan/atau pandangan R1 hanyalah terhadap falsafah dan pegangan P1 yang mempertikaikan beberapa amalan dan beberapa hukum dalam ajaran Islam, itu sahaja. Oleh itu, kami mendapati bahawa isu sama ada P1 boleh menganut agama Islam atau sebaliknya adalah di luar konteks *Warta Fatwa* tersebut. Nyatalah, hujahan peguam pihak pemohon yang cuba mengaitkan persoalan sama ada P1 boleh "menganut" agama Islam dalam konteks *Warta Fatwa* tersebut adalah dangkal dan tidak tepat.

[39] Lagipun, P1, sebagai satu entiti jadian boleh ada visi dan misi penubuhannya. Selaras atau sesuai dengan visi dan misi penubuhannya, P1 boleh ada falsafah dan pegangannya sendiri. Kebiasaannya, falsafah dan pegangan sesebuah syarikat itu akan termaktub dalam memorandum dan artikel syarikat yang turut disebut sebagai perlembagaan syarikat. Bagi P1, misi dan visi yang tertera di laman sesawang rasminya https://sistersinislam.org adalah sepertimana berikut:

> Our Mission
>
> Promote the principles of gender equality, justice, freedom and dignity in Islam and empower women to be advocates for change.
>
> Our Vision
>
> Our vision is to be a progressive and democratic society that upholds freedom of expression, gender equality and social justice for all.
>
> As an organisation, to be recognised as the national and global leader for gender equality and justice in Islam.

Selain itu, falsafah dan pegangan P1 juga boleh dijelmakan melalui aktiviti yang dijalankan. Sekiranya falsafah dan pegangan atau aktiviti P1 itu berlawanan dengan mana-mana undang-undang atau peraturan sedia ada, maka suatu tindakan yang bersesuaian di bawah undang-undang atau peraturan berkenaan bolehlah diambil terhadap P1 yang mempunyai entitinya sendiri. Berdasarkan hakikat tersebut, kami mendapati bahawa cubaan peguam pihak pemohon untuk menggunakan atau mengaitkan perkataan "menganut" atau anutan agama oleh P1 dalam konteks *Warta Fatwa* tersebut adalah salah tempat.

[40] Sebagai sebuah syarikat yang mempunyai entiti sendiri, P1 tidak boleh melepaskan diri daripada pengawasan, tanggungan atau tindakan pihak berkuasa berkenaan dengan hanya cuba berselindung di sebalik interpretasi perkataan tertentu di bawah undang-undang. Pendapat dan/atau pandangan R1 terhadap P1 yang berpegang kepada fahaman liberalisme dan pluralisme agama yang bercanggah dengan ajaran Islam adalah selaras dengan kuasa yang diberikan di bawah s. 47 EPAIS, iaitu R1 boleh menyediakan suatu fatwa atas apa-apa persoalan yang belum muktamad atau yang menimbulkan kontroversi berhubungan dengan Hukum Syarak dan juga selaras dengan peruntukan artikel kecil per. 11(4) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan:

> (4) Undang-undang Negeri dan berkenaan dengan Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, undang-undang Persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganuti agama Islam.

Oleh itu, kami berpandangan bahawa tidak ada keperluan untuk menyingkap tirai perbadanan P1 bagi tujuan mengambil tindakan pengawalan di bawah undang-undang. Penyediaan dan penerbitan *Warta Fatwa* tersebut oleh R1 perlulah dilihat sebagai satu tindakan pengawalan bagi menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama yang menyimpang dari ajaran Islam sebenar. Sebagai satu entiti jadian di bawah undang-undang, P1 boleh dinamakan sebagai pihak dalam sesuatu tindakan yang diambil, walaupun serahan suatu proses tindakan tersebut bolehlah disampaikan kepada pegawai atau ahli P1.

Ketidakpatuhan Prosedur

[41] Perkara kedua yang dibangkitkan peguam pihak pemohon adalah berkaitan dengan kepincangan prosedur yang dikatakan dilakukan R1. Isu utama yang diutarakan adalah berkait dengan hak keadilan asasi. Dihujahkan bahawa P1 tidak diberi hak untuk didengar sebelum R1 menyediakan dan menerbitkan *Warta Fatwa* tersebut, lebih-lebih lagi mengambil kira kesan besar yang akan dialami P1 setelah diisytiharkan berpegang dengan pegangan yang menyeleweng.

[42] Berhubungan dengan isu ketidakpatuhan prosedur, kami mulakan dengan melihat kepada status R1 itu sendiri. Berasaskan peruntukan di bawah s. 46 EPAIS, R1 diwujudkan. Dengan kata lain R1 adalah penciptaan statut yang ditugaskan untuk menyediakan fatwa sepertimana yang diperuntukkan di bawah s. 47 EPAIS. Manakala tatacara pembuatan fatwa telah diperuntukkan di bawah s. 48 EPAIS sepertimana berikut:

> Tatacara pembuatan fatwa.
>
> (1) Sebelum Jawatankuasa Fatwa membuat fatwa, Mufti boleh menyebabkan supaya kajian atau penyelidikan dijalankan sebagaimana yang diarahkan olehnya dan kertas kerja disediakan.

(2) Apabila Jawatankuasa bercadang hendak membuat fatwa Mufti hendaklah memanggil suatu mesyuarat Jawatankuasa Fatwa bagi maksud membincangkan fatwa yang dicadangkan itu.

(3) Selepas fatwa disediakan oleh Jawatankuasa Fatwa, Mufti hendaklah, bagi pihak dan atas nama Jawatankuasa Fatwa, mengemukakan fatwa yang disediakan itu kepada Majlis.

(4) Majlis boleh, selepas menimbang teliti fatwa itu, membuat syor kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk mendapatkan perkenannya bagi penyiaran fatwa itu dalam *Warta*.

(5) Syor yang dibuat di bawah subseksyen (4) hendaklah disertakan dengan memorandum penjelasan dan ulasan daripada Majlis jika Majlis berpendapat penjelasan dan ulasan itu perlu.

(6) Apabila fatwa itu telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan, Majlis hendaklah memaklumkan kepada Kerajaan Negeri tentang fatwa itu dan selepas itu hendaklah menyebabkan fatwa itu disiarkan dalam *Warta*.

(7) Sesuatu fatwa yang disiarkan dalam *Warta* hendaklah disertakan dengan pernyataan bahawa fatwa itu dibuat di bawah seksyen ini.

(8) Sesuatu fatwa hendaklah disiarkan dalam bahasa kebangsaan dalam tulisan rumi, tetapi teks fatwa itu dalam tulisan jawi boleh juga disiarkan.

(9) Apa-apa pernyataan yang dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa tidak boleh diambil sebagai fatwa melainkan jika pernyataan itu disiarkan dalam *Warta* menurut subseksyen (6).

[43] Perlu ditegaskan bahawa pihak pemohon tidak mencabar tatacara pembuatan fatwa seperti yang telah digariskan di bawah s. 48 dalam permohonannya. Oleh itu, tidak boleh dibangkitkan sebarang isu berhubung dengan tatacara tersebut. Menurut tatacara yang ditetapkan, Mufti boleh mengarahkan supaya kajian atau penyelidikan dijalankan dan kertas kerja disediakan sebelum R1 membuat fatwa. Kemudiannya, apabila R1 bercadang hendak membuat fatwa, maka Mufti hendaklah memanggil suatu mesyuarat dalam kalangan ahli R1 untuk membincangkan penyediaan fatwa yang dicadangkan tersebut.

[44] Sebelum dibincangkan dengan lebih lanjut tatacara pembuatan fatwa, perlulah dilihat terlebih dahulu sebab serta alasan *Warta Fatwa* tersebut disediakan pihak responden. Dalam AJR-R1&R3 yang diikrarkan DSMT yang juga Mufti Kerajaan Negeri Selangor, beliau ada membuat pernyataan sepertimana berikut:

17. Saya mengatakan bahawa Pemohon Pertama telah menimbulkan banyak isu yang menyentuh hal ehwal Islam sejak penubuhannya pada tahun 1988 sehingga tahun 2010. Antaranya isu hak beragama, isu bertudung untuk wanita, isu kesetaraan jantina, isu persamaan (musawah), isu pembaharuan undang-undang keluarga, isu hukum sebat, isu memansuhkan undang-undang Jenayah Syariah, isu kuasa fatwa dan isu kuasa ijtihad untuk perempuan ('Isu-isu tersebut').

[45] Sementara itu, dalam afidavit jawapan R2 (AJR-R2) yang diikrarkan Dato' Bakhtiar bin Hussin (DBH), Setiausaha kepada responden kedua ada menyatakan sepertimana berikut:

> 21. Menerusi perenggan 25 Afidavit 2 tersebut, Pemohon Pertama menegaskan bahawa Falsafah Pemohon Pertama tersebut adalah sejajar dengan perlembagaan Persekutuan dan pegangan atau falsafah di dalam Islam dan berpendapat bahawa ia tidak "sesat dan menyeleweng" mahupun memerlukan taubat. Terhadap Falsafah Pemohon Pertama tersebut, saya mengatakan bahawa butiran-butiran berikut adalah sebahagian daripada kajian yang dilakukan oleh Responden Kedua berkaitan dengan Pemohon Pertama dan tidak terhad kepada butiran-butiran berikut semata-mata, saya percaya bahawa Falsafah Pemohon Pertama tersebut turut merangkumi seperti berikut:
>
> 21.1. Penulisan di Sisters in Islam, 2007, tentang SIS, atas talian: http:/www.sistersinislam.org.my/BM/pengenalan.htm [10hb Disember 2008] - SIS menyimpulkan bahawa persepsi yang salah terhadap ajaran Islam, tafsiran terhadap nas agama iaitu ayat al-Quran dan Hadith serta hukum fikah yang dicemari dengan budaya silam yang menganjurkan doktrin patriarki, menjadi punca kepada keberlangsungan ketidakadilan terhadap kaum wanita. Jadi, bagi menangani kecelaruan tafsiran berhubung persamaan hak dan persepsi sehala yang melebihkan kaum lelaki ini, keperluan untuk melihat semula tafsiran teks al-Quran menjadi tuntutan SIS.
>
> 21.2 Penulisan di Sisters in Islam, 1993, Islam, Gender and Human Rights: An Alternative views, SIS Forum Berhad Kuala Lumpur, halaman 3-4 - Menurut Dr. Amina Wadud - agama-agama dalam masyarakat termasuk juga Islam telah dipengaruhi oleh social inflections (perubahan dan perkembangan sosial). Dalam konteks pembentukan ilmu, tafsiran dan hukum agama Islam pula, beliau menganggap proses tersebut telah didominasi oleh ulama' dari kaum lelaki. Ulama-ulama' yang dikenali sebagai "tradisionalis" ini dipengaruhi oleh warisan budaya masyarakat Arab yang bersifat patriarki dan bias gender.
>
> 21.3 Penulisan di Sisters in Islam, 1993 Halaman 76-77: Rose Ismail dalam artikel "*Returning To the Root of Islam* - memetik pandangan tokoh popular Islam Liberal Riffat Hassan yang mendakwa bahawa umat Islam hari ini memakai satu bentuk Islam sahaja, iaitu Islam yang didominasi oleh Arab Saudi yang menganjurkan versi Islam yang begitu sempit.
>
> 21.4 Penulisan Pemohon Pertama menerusi: Noraini Othman, 2005 "*Muslim Women and the Challenge of Islamic Extremism*, Vinlin Press Sdn Bhd, Kuala Lumpur, halaman 7 - "Bagi SIS, adalah sesuatu yang malang apabila majoriti umat Islam kini masih terus didominasi oleh pemikiran Islam Revivalis dan Islam Fundamentalis. Mereka terus diasuh dengan impian dan seruan yang meyakini bahawa corak kehidupan zaman awal Islam itu adalah sebagai contoh yang terbaik dalam segenap lapangan

kehidupan. Segala pemikiran, keputusan dan sistem yang diamalkan oleh generasi awal ini adalah yang paling sah dan perlu diutamakan. Umat Islam terus ditanam dengan doktrin yang mengatakan bahawa sekiranya umat Islam ingin mencapai kemajuan seperti di zaman kegemilangan tamadunnya, umat Islam perlu mengembalikan corak dan sistem kehidupan Rasulullah dan Khulafa' ar-Rasyidin ini.

21.5 Penulisan di Sisters in Islam, 7993 Halaman 77 - Islam Liberal dan SIS melihat bahawa kelompok yang mempertahankan warisan Islam Tradisional ini sentiasa menganggap hanya golongan yang sealiran dengan mereka sahaja yang memenuhi syarat untuk mentafsir ajaran dan hukum agama. Kelompok Islam Tradisional ini juga didakwa sebagai anti pemodenan, sering bercanggah dengan nilai-nilai sejagat dan tidak relevan lagi dengan perkembangan kehidupan manusia.

21.6 Kenyataan-kenyataan secara langsung SIS (Pemohon Pertama) yang menjelaskan dukungannya terhadap Islam Progresif dan ikutan serta pengiktirafannya kepada para tokoh yang mempromosikan idea Islam Progresif dan Islam Liberal menerusi buku: Noraini Othman, 2005 "*Muslim Women and the Challenge of Islamic Extremism*, Vinlin Press sdn Bhd, Kuala Lumpur, halaman 102, 103; laman web SIS, Feminism Islam Warisan Sunnah Rasulullah, 23 Julai 2003; dan ucapan Pemohon Kedua pada pembukaan sisters in Islam, International Consultation on Trends in Family Law Reform in Muslim Countries pada 18 Mac 2006 atas talian http://www.sistersinislam.arg.my/BM/pengenalan.htm [12hb Mac 2070].

21.7 Penulisan Pemohon Pertama menerusi: Noraini Othman, 2005 "*Muslim Women and the Challenge of Islamic Extremism*, Vinlin Press Sdn Bhd, Kuala Lumpur, halaman 153 : Bagi SIS, perkara pertama yang perlu diusahakan ialah menilai kembali tafsiran al-Quran memandangkan kitab suci itulah yang menjadi sumber asas kepada Islam. Untuk itu, SIS mengutarakan kepentingan mewujudkan versi tafsir al-Quran progresif. Tafsir versi ini diperlukan agar ajaran al-Quran menepati nilai-nilai kemodenan, menjunjung universalisme, hak asasi manusia dan seumpamanya, yang mewakili dan memberi fokus yang setaraf dan saksama kepada lelaki dan perempuan.

21.8 Sidang Media atau Press Statement bertarikh 17 Februari 2010 - Sisters In Islam condemns caning of three muslim women under syariah law "We once again urge the government to review caning as a form of punishment as it violates international human rights principles which regard whipping and other forms of corporal punishment as cruel, inhuman and degrading treatment."

21.9 Melalui Sidang Media atau Press Statement bertarikh 5 Oktober 2010 - "*sisters in Islam remains firmly opposed to the implementation of Hudud law for Malaysia*."

21.10 Penulisan berkaitan Hudud oleh Pemohon Pertama di atas talian http://www.sistersinislam.org.mvnews.php7item. 1274.121 SIS response to "*Hudud is a matter of choice for Muslims*" bertarikh 13 October 2011.

21.11 Melalui Sidang Media atau Press Statement bertarikh 19 Jun 2012 "Benarkah Islam Melarang Perempuan Menjadi Imam Bagi Jemaah Yang Terdiri Dari Lelaki Dan Perempuan?"

21.12 Penulisan atas talian tentang "*Inheritance Reform on Rights at Home project*" di atas talian http://www.sistersinislam.org.mv/news.php?item.673.42

21.13 Melalui Sidang Media atau Press Statement bertarikh 23 Julai 2013 yang menyebut: "*SIS: Procedure for Legislating Fatwas Un-Islamic and Undemocratic*."

21.14 Penulisan berkaitan Pemakaian Tudung adalah satu pilihan di atas talian:http://www.sistersinislam.org.my/news.php?item.988.120 "*The Donning of Tudung: Personal Choice to be Respected* (27 February 2006)'".

22. Saya percaya bahawa **Falsafah Pemohon Pertama** tersebut sepertimana yang dinyatakan pada perenggan 19 dan 20 Afidavit ini telah **mengundang polemik serta mendapat reaksi berbaur kekecohan di kalangan masyarakat Islam serta umum di Malaysia**. (penekanan ditambah)

[46] DBH seterusnya menyatakan bahawa R1 dan R2 memandang serius terhadap falsafah dan pegangan P1 tersebut. Kajian, siasatan dan penyelidikan telah dijalankan, dan perbincangan dalam bentuk simposium telah dianjurkan serta satu majlis dialog dengan P1 turut diadakan. Rumusan DBH hasil daripada tindakan yang telah diambil R1 dan R2 ada dinyatakan sepertimana berikut:

[24] Berpandukan kepada hasil-hasil **kajian, siasatan, penyelidikan**, pembentangan kertas-kertas kerja dalam **simposium** serta hasil majlis dialog dengan pemohon pertama (serta dengan kehadiran pemohon kedua) DAN bersandarkan (**tetapi tidak terhad**) kepada garis-garis panduan yang dibuat oleh Muzakarah jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali Ke-74 yang bersidang pada 25-27 Julai 2006, Responden Pertama dan Responden Kedua mendapati dan memutuskan bahawa **Falsafah Pemohon Pertama tersebut tergolong dalam Aliran Liberalisme dan Pluralisme** yang memiliki/memenuhi kriteria-kriteria berikut:

Aspek Akidah

(a) Berpegang kepada Konsep Pluralisme

Konsep pluralisme adalah menjadi pegangan utama dalam aliran pemikiran liberal. Pluralisme agama berpendirian bahawa setiap agama mempunyai konsep, persepsi dan respons yang tersendiri terhadap Realiti Yang Agung (ultimate reality). Semua agama adalah sama tarafnya merujuk kepada Realiti Yang Agung.

(b) Akal Manusia Adalah Wahyu

Aliran ini membahagi wahyu kepada dua kategori iaitu wahyu yang bertulis dan wahyu yang tidak bertulis. Wahyu bertulis adalah al-Quran dan ia adalah teks semata-mata. Wahyu tidak bertulis adalah akal manusia dan akallah yang sebenarnya menghidupkan teks al-Quran berdasarkan tujuan, konteks suasana zaman.

(c) Meragui Ketulenan Al-Quran

Aliran pemikiran ini mendakwa al-Quran diresapi dengan budaya Arab kerana orang Arab menjadi pemilik bahasa itu, tambahan pula katanya Nabi Muhammad yang menjadi pembawa risalah juga terdiri dari orang Arab. Mereka menyatakan bahawa kesahihan risalah tersebut tidak ada lagi kerana sebenarnya yang ada hanyalah mesej budaya Arab.

Aspek Syariah

(a) Mempersoalkan Metodologi Pentafsiran Al-Quran Dan Al-Hadith

Aliran pemikiran ini mempersoalkan cara atau metodologi pentafsiran al-Quran yang diguna pakai kini. Dengan slogan "membuka dan membebaskan tafsiran al-Quran", aliran pemikiran ini menggunakan pendekatan takwilan sendiri terhadap beberapa ajaran al-Quran yang jauh berbeza dengan pegangan Ahli Sunnah wal-jemaah. Contohnya, mereka mendakwa syurga dan neraka tidak wujud melainkan kesan psikologi kegembiraan dan kesedihan manusia. Hari akhirat ditafsirkan sebagai tidak wujud melainkan satu fasa untuk manusia mencapai satu tingkatan kepada tingkatan yang lebih matang dan sempurna.

(b) Menggesa Tafsiran Baru Konsep Ibadat

Aliran pemikiran ini juga berpegang "membuka dan membebaskan" tafsiran al-Quran, sebagai alasan untuk memajukan umat Islam dan menganjurkan agar teks-teks al-Quran menempuh proses dekonstraksi bagi membolehkan tafsiran-tafsiran baru dibuat.

(c) Mempertikaikan Kriteria Dan Akhlak Kenabian

Aliran pemikiran ini secara sinis mengkritik sifat Nubuwwah yang dimiliki oleh Rasulullah s.a.w. dengan mengatakan ia tidak lain hanyalah sebagai kemampuan kepimpinan seorang manusia ke atas manusia lain (leadership value). Justeru sesiapapun boleh mempunyai sifat nubuwwah tersebut untuk memimpin manusia ke arah ciri-ciri yang baik. Malah mukjizat seperti peristiwa Isra' dan Mikraj dianggap sebagai bahan cerita yang sengaja diperbesarkan (exaggeration) oleh pengikut baginda yang taasub sedangkan ia hanyalah sekadar mimpi yang tidak terjadi di alam realiti.

(d) Sikap Terhadap Ilmu-Ilmu Islam

llmu-ilmu Islam seperti Usul al-Tafsir, Usul al-Fiqh, Usul al-Hadith, al-farah wa al-Ta'dil dan sebagainya yang telah secara Ijma' diterima sebagai metod dalam disiplin ilmu, telah dikritik oleh aliran

pemikiran ini sebagai buatan manusia. Penentuan hukum yang telah *qat'ie* dan hukum yang tidak *qat'ie* menurut mereka perlu dinilai semula dalam usaha merealisasikan konsep membuka dan membebaskan Islam melalui tafsiran semula ajaran Islam.

(e) Sikap Terhadap Hukum

Aliran pemikiran liberal ini mempunyai kaedah yang tersendiri apabila merujuk kepada hukum-hukum *Fiqh* iaitu mengambil tujuan hukum dan bukan bentuk hukum. (penekanan ditambah)

[47] Pernyataan-pernyataan yang diikrarkan oleh DSMT dalam AJR-R1&R3 dan yang diikrarkan oleh DBH dalam AJR-R2 berhubung dengan falsafah, pemikiran serta pegangan P1 dan P2 terhadap ajaran dan hukum Islam turut disokong dengan bukti dokumentari. Penyataan-penyataan tersebut tidak pernah dinafikan secara khusus dalam afidavit balasan pihak pemohon. Malahan, dalam menjawab pernyataan DBH, P1 dan P2 hanya bersandarkan penegasan yang dibuat, iaitu pihak mereka ada hak untuk bebas berucap dan bersuara sepertimana yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan, itu sahaja. Sekali lagi, bersandar keputusan kes *Ng Hee Thong*, penyataan-penyataan DSMT dan DBH berhubung dengan falsafah dan pegangan P1 dan ahli-ahlinya termasuk P2, perlulah diterima.

[48] Berdasarkan pernyataan-pernyataan yang dinyatakan pihak responden tersebut, kami mendapati bahawa wujud sebab serta alasan untuk R2 mengambil tindakan sejajar dengan matlamat penubuhannya seperti yang dinyatakan di bawah sub-s. 4(1) EPAIS iaitu untuk membantu dan menasihati DYMM Sultan dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam. la juga sejajar dengan kuasa yang diberikan di bawah sub-s. 5(5) EPAIS iaitu R2 hendaklah mempunyai apa-apa kuasa selanjutnya dan menjalankan apa-apa kewajipan yang diberikan kepadanya oleh EPAIS atau mana-mana undang-undang lain. Begitu juga dengan R1, yang diwujudkan di bawah s. 46 EPAIS. R1 yang diberikan kuasa untuk menyediakan fatwa di bawah s. 47 EPAIS, hendaklah atas perintah DYMM Sultan, dan bolehlah atas kehendaknya sendiri atau atas permintaan secara bersurat oleh mana-mana orang yang dialamatkan kepada Mufti, menyediakan suatu fatwa atas apa-apa persoalan yang belum muktamad atau yang menimbulkan kontroversi berhubungan dengan Hukum Syarak.

[49] Berasaskan fungsi dan kuasa yang diperuntukkan di bawah EPAIS, R1 mahupun R2 ada sebab dan alasan yang munasabah untuk bertindak bagi menangani permasalahan yang berbangkit daripada falsafah dan pegangan P1 yang telah dikenai pasti sebagai tergolong dalam aliran liberalisme dan pluralisme agama, iaitu satu aliran yang telah difatwakan sebagai menyimpang daripada syariat Islam sepertimana yang telah diputuskan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam kali ke-74 yang bersidang pada 25 hingga 27 Julai 2006. Falsafah dan pegangan P1 yang cenderung kepada aliran liberalisme dan

pluralisme agama tersebut dapat dimanifestasikan daripada lontaran pandangan yang kebanyakannya dalam bentuk penulisan yang diterbitkan untuk bacaan umum dan juga daripada pengungkapan secara lisan yang disiarkan melalui pelbagai media. Justeru itu, R1 yang merupakan pihak yang berwenang dan berwibawa di bawah EPAIS untuk mengemukakan pendapat dan/atau pandangan berhubung dengan falsafah serta pegangan P1 wajar mengambil tindakan yang difikirkan patut selari dengan peruntukan di bawah EPAIS.

[50] Setelah wujud keperluan untuk menyediakan fatwa, pihak responden perlulah mematuhi segala tatacara yang telah ditetapkan di bawah s. 48 EPAIS. Menurut keterangan DSMT yang diikrarkan di perenggan 18 hingga 21 AJR-R1&R3, R1 ada mengambil tindakan-tindakan berikut:

> 18. Saya mengatakan bahawa pada 23 Februari 2010 dan 21 Jun 2011, Responden Kedua telah memutuskan kajian Isu-isu tersebut yang telah ditimbulkan oleh Pemohon Pertama untuk dikaji dan dibawa ke Responden "Pertama untuk tindakan yang sesuai. Ini selaras dengan seksyen 7 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor), bahawa kewajipan MAIS adalah bagi memastikan kesejahteraan sosial umat Islam di negeri Selangor dan menerangkan tentang masalah berkaitan isu-isu ini.
>
> 19. Dalam tempoh tahun 2011 sehingga 2013, beberapa siri Mesyuarat Responden Kedua, Mesyuarat Responden Pertama, Mesyuarat Jawatankuasa Pengawalan Akidah di bawah Responden Kedua telah diadakan. Antara agenda dalam mesyuarat-mesyuarat tersebut adalah untuk membincangkan mengenai fahaman "liberalisme" dan "pluralisme agama" yang dikaitkan dengan Pemohon Pertama.
>
> 20. Saya mengatakan berikutan daripada siri-siri mesyuarat tersebut, satu dialog bersama Pemohon Pertama telah diadakan pada 12 Januari 2012 bertempat di Bilik Mesyuarat Tingkat 8, Jabatan Mufti Negeri Selangor. Majlis Dialog Panel Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Bersama SIS Forum (Malaysia) ini dilaksanakan hasil keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Bil. 5/2011 yang telah bersidang pada 21 November 2011 yang memutuskan bahawa pihak Jabatan Agama Islam Selangor ('JAIS') hendaklah membuat satu sesi dialog bersama Responden Pertama bagi mendapatkan penjelasan dengan melibatkan ahli jawatankuasa Negeri Selangor dan pakar-pakar yang berkaitan.
>
> 21. Selanjutnya Seminar Pemikiran dan Fahaman Liberalisme dan Pluralisme Agama telah dianjurkan oleh Responden Kedua pada 25.9.2013 bertujuan membincangkan penyebaran isu-isu yang dibangkitkan oleh Pemohon Pertama.

DSMT turut mengemukakan salinan minit-minit mesyuarat dan surat-surat yang berkaitan sebagai ekshibit dalam AJR-R1&R3.

[51] Sementara itu, DBH telah memberikan pernyataan yang lebih terperinci berkaitan pematuhan prosedur oleh pihak responden di bawah s. 48 EPAIS. DBH memberikan pernyataan-pernyataan berikut di perenggan 33 AJR-R2:

> 33. Saya percaya bahawa Responden Pertama dan Responden Kedua telah secara prosedural dan substantif mematuhi peruntukan Seksyen 48 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (Enakmen 1 Tahun 2003) di dalam pembuatan Fatwa tersebut dan butir-butir terperinci adalah seperti berikut:
>
> 33.1 Seksyen 48(1) - Kajian dan Penyelidikan
>
> Saya percaya bahawa bermula daripada sekitar 19hb April 2011, melalui satu Mesyuarat MAIS Bil 2/2011, Responden Kedua telah meminitkan di dalam mesyuarat agar satu Laporan lengkap berkaitan Pemohon Pertama disediakan untuk perbincangan. Sehinggalah menerusi sekitar Mesyuarat MAIS Bil 3/2011, pihak Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan JAIS membentangkan satu Kertas Laporan berhubung kajian awalan bertarikh 14hb Jun 2011.
>
> Sesalinan Kertas Laporan berhubung kajian awalan bertarikh 14hb Jun 2011 dilampirkan di sini sebagai ekshibit bertanda "DBH-6"
>
> Malahan, rentetan daripada Kertas Laporan berhubung kajian awalan bertarikh 14hb Jun 2011 tersebut, telah berlaku siri-siri perbahasan, penyelidikan perbincangan serta simposium khusus tentang Pemohon Pertama serta pemahaman yang didukung oleh Pemohon Pertama yang tergolong dalam kategori Pemikiran Liberalisme dan Pluralisme Agama. Siri-siri perbahasan, penyelidikan serta perbincangan khusus tersebut berlangsung atas inisiatif Responden Pertama melalui Yang Berbahagia Mufti dan juga Responden Kedua melalui Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan JAIS.
>
> Sesalinan Kertas Laporan Kajian Lanjutan Terhadap Pemikiran Liberal SIS Forum Malaysia yang dibentangkan semasa Mesyuarat MAIS Jawatankuasa Pengawalan Akidah pada 16hb Oktober 2012 dilampirkan di sini sebagai ekshibit bertanda "DBH-7".
>
> Sesalinan Kertas Laporan Mengenai Pemikiran Liberalisme dan Pluralisme Agama yang dibentangkan semasa Mesyuarat MAIS Bil 3/2013 oleh Jawatankuasa Pengawalan Akidah pada 6hb Jun 2013 dilampirkan di sini sebagai ekshibit bertanda "DBH-8"
>
> Sesalinan Kertas Cadangan Pindaan Keputusan mengenai Pemikiran Liberalisme dan Pluralisme Agama yang dibentangkan semasa Mesyuarat MAIS Bil 4/2013 oleh Jawatankuasa Pengawalan Akidah pada 31 hb Disember 2013 dilampirkan di sini sebagai ekshibit bertanda "DBH-9".

33.2 Seksyen 48(2) - Mesyuarat berkenaan Fatwa

Saya percaya bahawa terdapat sesi mesyuarat-mesyuarat antara Responden Pertama, Responden Kedua serta pihak-pihak terbabit bagi membincangkan tentang Pemohon Pertama dan keperluan mengeluarkan satu fatwa khusus tentang Pemohon Pertama serta pemahaman yang didukung oleh Pemohon Pertama yang tergolong dalam kategori Pemikiran Liberalisme dan Pluralisme Agama. Siri mesyuarat-mesyuarat ini bermula seawal daripada 23hb Februari 2010 sehinggalah kepada tarikh pewartaan Fatwa sekitar 31hb Julai 2014.

33.3 Seksyen 48(3) - Mufti mengemukakan Fatwa yang disediakan oleh Jawatankuasa Fatwa kepada Majlis

Saya percaya bahawa sekitar 17hb Oktober 2013, Responden Pertama melalui Yang Berbahagia Mufti telah menghantar sesalinan surat kepada Responden Kedua berkenaan dengan Keputusan Fatwa.

Sesalinan Surat Responden Pertama bertarikh 17hb Oktober 2013 dilampirkan di sini sebagai ekshibit bertanda "DBH-10".

33.4 Seksyen 48(4) - Majlis mengesyorkan Fatwa kepada Sultan untuk mendapat perkenan penyiaran Fatwa dalam *Warta*.

Saya percaya bahawa pada 13hb Januari 2014, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor telah memperkenan penyiaran Fatwa tersebut dalam *Warta*.

33.5 Seksyen 48(5) - Memorandum Penjelasan daripada Majlis

Saya percaya bahawa perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor tentang penyiaran Fatwa tersebut dalam *Warta* diberikan setelah satu Kertas Mohon Perkenan Fatwa Pemikiran Liberalisme dan Pluralisme Agama dibentang ke hadapan Sultan.

Sesalinan Kertas Mohon Perkenan Fatwa Pemikiran Liberalisme dan Pluralisme Agama dilampirkan di sini sebagai ekshibit bertanda "DBH-11".

Sesalinan Surat Pejabat Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor kepada Responden Pertama bertarikh 15hb Januari 2014 dilampirkan di sini sebagai ekshibit bertanda "DBH-12".

33.6 Seksyen 48(6) - Selepas perkenan Sultan, Majlis hendaklah maklumkan kepada Kerajaan Negeri tentang Fatwa dan hendaklah menyiarkan Fatwa dalam *Warta*.

Saya percaya bahawa Responden Pertama setelah mendapat perkenan Sultan telah menerusi sepucuk Surat bertarikh 19hb Mac 2014 memaklumkan kepada Kerajaan Negeri tentang Fatwa tersebut dan perkenan Sultan untuk menyiarkan Fatwa tersebut dalam *Warta*.

A

Sesalinan Surat Responden Kedua bertarikh 19hb Mac 2014 dilampirkan di sini sebagai ekshibit bertanda "DBH-13".

33.7 Seksyen 48(7) - Fatwa yang disiar dalam *Warta* hendaklah menyebut Seksyen ini

B

Saya percaya bahawa Fatwa tersebut yang disiarkan dalam *Warta* menyebut tentang Seksyen ini. Saya merujuk kepada perenggan 12 Afidavit ini dan mengulangpakainya di sini serta ekshibit "DBFM".

33.8 Seksyen 48(8) - Fatwa hendaklah dalam bahasa kebangsaan

C

Saya percaya bahawa Fatwa tersebut yang disiarkan dalam Bahasa Kebangsaan. Saya merujuk kepada perenggan 12 Afidavit ini dan mengulangpakainya di sini serta ekshibit "DBH-1".

33.9 Seksyen 48(9) - Hanya penyataan Jawatankuasa Fatwa yang diwartakan dianggap sebagai Fatwa

D

Saya percaya Fatwa tersebut adalah bertepatan dengan sub-seksyen ini.

[52] Daripada keterangan-keterangan tersebut, jelaslah bahawa R1 telah memulakan tindakan awal dengan membuat kajian dan penyelidikan ke atas falsafah dan pegangan P1 berhubung dengan Hukum Syarak. Beberapa siri perbahasan, penyelidikan, perbincangan serta satu simposium khusus telah
E diadakan bagi membincangkan isu falsafah dan pegangan yang didukung oleh P1. Bagi mengesahkan falsafah dan pegangan tersebut, satu dialog telah turut diadakan di antara R1 dengan P1. Setelah semua tindakan tersebut diambil, barulah R1 mengemukakan pendapat dan/atau pandangan seperti yang dinyatakan dalam *Warta Fatwa* tersebut. Jelasnya, tatacara awal pembuatan
F fatwa sepertimana yang digariskan s. 48 EPAIS telah dipatuhi.

[53] Persoalannya, perlukah P1 diberikan hak untuk didengar sebelum R1 menyediakan *Warta Fatwa* tersebut? Bagi menjawab persoalan tersebut, kami merujuk kepada peruntukan s. 48 EPAIS itu sendiri. Apa yang perlu dibuat R1 berdasarkan sub-ss. 48(1) dan (2) adalah untuk diadakan kajian dan
G penyelidikan yang disusuli dengan mesyuarat oleh ahli R1 sebagai persediaan dalam pembuatan fatwa. Selain itu, keterangan juga menunjukkan bahawa R1 turut mengadakan simposium bagi membincangkan permasalahan yang berbangkit daripada fahaman dan falsafah P1. Akhirnya, satu dialog telah diadakan di antara R1 dengan P1. Daripada tindakan yang diambil R1
H tersebut, kami berpandangan bahawa R1 telah menepati kehendak s. 48 EPAIS. Dialog yang diadakan dengan P1 adalah satu ruang untuk P1 menyatakan pendirian berhubung dengan falsafah dan pegangannya berkait dengan agama Islam dan Hukum Syarak. Dialog tersebut adalah satu manifestasi pemberian hak untuk didengar kepada P1 sebelum disediakan
I *Warta Fatwa* tersebut.

[54] Sekiranya dialog yang diadakan masih didapati tidak mencukupi untuk memberikan hak untuk didengar kepada P1 sekalipun, kami berpandangan bahawa sifat atau cara pembuatan fatwa itu sendiri tidak memerlukan hak untuk didengar diberikan kepada P1. Rasionalnya, falsafah dan pegangan P1 telah pun wujud dan dikenal pasti daripada pendirian serta tindakan P1 itu sendiri. Tugas R1 hanyalah untuk memberikan pendapat dan/atau pandangan ke atas falsafah dan pegangan P1 tersebut sahaja berdasarkan ketetapan yang telah ditentukan di sisi Hukum Syarak. Dengan perkataan mudah, R1 hanya mengemukakan pendapat dan/atau pandangan ke atas falsafah dan pegangan semasa P1 yang telah dizahirkan secara nyata melalui amalan dan tindakannya.

[55] Dalam hal yang sama, kami ingin sekali lagi merujuk kepada pandangan Prof Datuk Dr Shamrahayu Ab Aziz seperti yang telah dinyatakan di perenggan [22] di atas. Menurut beliau, fatwa di negara kita ini adalah sepenuhnya berkaitan soal Hukum Syarak dan ia bukan undang-undang dalam konteks faham undang-undang mengenai maslahat awam yang diluluskan oleh badan perundangan. Beliau turut berpandangan bahawa Hukum Syarak tidak perlu dibahas melalui proses demokrasi dan keputusan berhubung Hukum Syarak hanya boleh dibuat oleh mereka yang pakar sahaja, itu pun setelah mereka memperoleh maklumat atau pengetahuan dalam hal berkaitan permasalahan yang memerlukan pernyataan di sisi Hukum Syarak. Mengadaptasikan pandangan tersebut, kami berpandangan bahawa apa yang dihujahkan peguam pihak pemohon berhubung dengan hak P1 untuk didengar sebelum *Warta Fatwa* disediakan dan diterbitkan adalah di luar konteks.

[56] Berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada dan keterangan yang dikemukakan, kami mendapati bahawa tidak berlaku sebarang ketidakpatuhan prosedur yang dilakukan R1 semasa menyediakan *Warta Fatwa* tersebut.

Tidak Sah Kerana Bertentangan Dengan Undang-Undang

[57] Peguam pihak pemohon berhujah bahawa *Warta Fatwa* tersebut juga bercanggah dengan beberapa undang-undang. Pertama, dihujahkan bahawa *Warta Fatwa* tersebut bercanggah dengan EPAIS. Menurut peguam pihak pemohon, suatu fatwa adalah merupakan satu perundangan perwakilan (delegated legislation). Oleh itu, R1 perlulah bertindak selari dengan kuasa yang diberikan di bawah undang-undang. Keputusan Mahkamah Tinggi dalam kes *Wong Pot Heng & Anor v. Kerajaan Malaysia* [1992] 3 CLJ 1497; [1992] 3 CLJ (Rep) 776; [1992] 2 MLJ 885 dan keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Majlis Perbandaran Pulau Pinang v. Syarikat Bekerjasama-sama Serbaguna Sungai Gelugor Dengan Tanggungan* [1999] 3 CLJ 65; [1999] 3 MLJ 1 telah dirujuk.

[58] Dengan hormatnya, kami mempunyai pandangan yang berbeza berhubung dengan status sesuatu fatwa. Walaupun R1 diberikan kuasa untuk membuat fatwa di bawah s. 47 EPAIS dan bolehlah dikatakan sebagai satu makhluk jadian (creature) di bawah undang-undang, kami berpendapat bahawa fatwa bukan satu perundangan perwakilan dalam erti kata biasa. Ini kerana, dalam berfatwa R1 mengemukakan pendapat dan/atau pandangannya ke atas sesuatu permasalahan yang berbangkit bersandarkan kepada Hukum Syarak yang telah pun ditetapkan melalui sumber hukum utama dalam Islam, iaitu nas al-Quran dan hadis, dan bukannya EPAIS. Oleh itu, suatu fatwa itu tidak boleh disamakan dengan penggubalan suatu peraturan ataupun kaedah yang hendaklah bersandarkan peruntukan dalam undang-undang ibu. Keadaan tersebut jelas membezakan fatwa dengan suatu perundangan perwakilan di bawah undang-undang yang lain.

[59] Sekiranya sesuatu fatwa itu adalah satu perundangan perwakilan sekalipun, kami masih berpandangan bahawa pihak pemohon gagal membawa sebarang keterangan yang boleh menunjukkan bahawa *Warta Fatwa* tersebut adalah bertentangan atau *ultra vires* EPAIS ataupun Hukum Syarak. Berhubung dengan elemen *ultra vires*, kami merujuk kepada keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Pengarah Tanah Dan Galian, Wilayah Persekutuan v. Sri Lempah Enterprise Sdn Bhd* [1978] 1 LNS 143; [1979] 1 MLJ 135 sepertimana berikut:

> The Land Executive Committee is a creature of statute, and therefore possesses only such power as may have been conferred on it by Parliament. Therefore, when a power vested in it is exceeded, any act done in excess of the power is invalid as being *ultra vires*. If authority is needed for what may be considered as axiomatic, I need only refer to the cases of *Chertsey UDC v. Mixnam's Properties, Ltd* [1964] 2 All ER 627 and *Hall & Co Ltd v. Shoreham-by-Sea UDC* [1964] 1 WLR 240. In the former case, a statute required the occupier of land to obtain a licence before he used his land as a caravan site, and in granting such a licence the authority were empowered to impose such conditions "as the authority may think necessary or desirable to impose", it was held that these conditions must be confined within the general purpose of the Act, and in so far as they exceeded this, they were void. In the latter case, Willmer L.J. cited the well-known judgment of Lord Greene M.R. in *Associated Provincial Picture Houses (ante)* which has several times been approved in the House of Lords, that it is in excess of power to "come to a conclusion so unreasonable that no reasonable authority could ever have come to it", and he held that the condition to be "utterly unreasonable and such as Parliament cannot possibly have intended".
>
> For the above reasons, it does not seem to me that the decision of the Land Executive Committee can possibly be regarded as reasonable or as anything other than *ultra vires*. It had exceeded its power and the decision was therefore unlawful as being an unreasonable exercise of power not related to the permitted development and for an ulterior purpose that no reasonable authority, properly directing itself, could have arrived at it. The

> Committee, like a trustee, holds power on trust and acts validly only when acting reasonably. In such circumstances I would follow the *dictum* of Hodson L.J. in *Pyx Granite* (*ante*, page 579), to the effect that, if a condition is held to be *ultra vires*, it nullified the whole planning permission. For it must be assumed that without the impugned condition the permission would never have been granted.

Berasaskan keputusan Mahkamah Persekutuan tersebut, perlulah dibuktikan terlebih dahulu wujudnya tindakan oleh R1 yang telah melampaui kuasa yang diberikan di bawah undang-undang, iaitu EPAIS ataupun Hukum Syarak semasa membuat *Warta Fatwa* tersebut.

[60] Daripada apa yang telah dinyatakan di perenggan [49] hingga [52] di atas, kami mendapati bahawa tidak ada tindakan R1 yang bertentangan atau *ultra vires* EPAIS. Dari segi Hukum Syarak pula, kami mendapati bahawa pihak pemohon tidak mengemukakan sebarang keterangan melalui mana-mana pakar Hukum Syarak yang sekurang-kurangnya boleh mengesahkan bahawa falsafah dan pegangan P1 tidak tergolong dalam fahaman liberalisme dan pluralisme agama yang telah didapati menyimpang daripada ajaran Islam, dan seterusnya dapat menunjukkan bahawa tindakan R1 adalah bertentangan atau *ultra vires* Hukum Syarak.

[61] Selain itu, peguam pihak pemohon juga berhujah bahawa kuasa R1 untuk membuat sesuatu fatwa di bawah s. 47 adalah terikat dengan peruntukan s. 51 EPAIS. Menurut peguam pihak pemohon, memandangkan perkara dalam *Warta Fatwa* tersebut adalah tergolong dalam perkara yang melibatkan kepentingan negara, maka perkara tersebut hendaklah dirujuk dan diputuskan di peringkat Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan dan bukannya oleh R1. Oleh itu, dihujahkan bahawa tindakan R1 telah secara jelas membelakangkan kehendak s. 51 EPAIS menjadikan *Warta Fatwa* tersebut tidak sah.

[62] Berhubung dengan isu ini, kami sekali lagi merujuk kepada keterangan DSMT. Semasa membincangkan perkara berhubung dengan falsafah dan pegangan P1 di perenggan 25, AJR-R1&R3, DSMT telah mengemukakan sesalinan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Kali Ke-74 yang dikemukakan dan ditandakan sebagai eksh. "DMT-7". Dalam Muzakarah tersebut, Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan telah memutuskan bahawa aliran pemikiran liberal adalah sesat dan menyeleweng daripada syariat Islam. Daripada keterangan tersebut, jelaslah bahawa isu pegangan aliran pemikiran liberal telah dibincangkan dan dimuktamadkan di peringkat Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan. Setelah mendapati P1 berpegang kepada falsafah dan pemikiran liberalisme dan pluralisme agama, maka R1 membuat dan menerbitkan *Warta Fatwa* tersebut selaras dengan keputusan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan.

[63] Berkaitan dengan isu yang sama, perlu ditekankan bahawa sesuatu keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan tidak ada kesan mengikat di peringkat Negeri atas sebab pengasingan bidang kuasa perundangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Bagi membolehkan penguatkuasaan terhadap larangan kepada pegangan fahaman liberalisme dan pluralisme agama yang bercanggah dengan ajaran Islam, R1 perlulah membuat dan menerbitkan *Warta Fatwa* tersebut bagi Negeri Selangor. Dengan itu, kami mendapati bahawa hujahan peguam pemohon berhubung dengan peruntukan s. 51 EPAIS tidak berasas.

[64] Kedua, peguam pihak pemohon berhujah bahawa *Warta Fatwa* tersebut bercanggah dengan undang-undang Persekutuan, iaitu Akta 301 dan Akta 588. Ini kerana penguatkuasaan kedua-dua Akta tersebut terletak di bawah bidang kuasa Persekutuan dan bukannya Negeri. Dalam membuat tuntutan, relief yang dipohon pihak pemohon di perenggan kecil 1.2(a) dan (b) permohonan adalah untuk satu deklarasi bahawa *Warta Fatwa* tersebut adalah bercanggah dengan s. 7 Akta 301 dan dengan s. 3(3) Akta 588.

[65] Dalam hal ini, undang-undang berhubung dengan kuasa budi bicara mahkamah memberikan perintah deklaratori adalah jelas. Peruntukan di bawah s. 41 Akta Relief Spesifik 1950 (ARS 1950) adalah sepertimana berikut:

> Discretion of court as to declaration of status or right
>
> 41. Any person entitled to any legal character, or to any right as to any property, may institute a suit against any person denying, or interested to deny, his title to the character or right, and the court may in its discretion make therein a declaration that he is so entitled, and the plaintiff need not in that suit ask for any further relief:
>
> Provided that no court shall make any such declaration where the plaintiff, being able to seek further relief than a mere declaration or title, omits to do so.

Sementara itu, peruntukan berhubung dengan suatu penghakiman deklaratori ada diperuntukkan di bawah A. 15 k. 16 KKM 2012 sepertimana berikut:

> Penghakiman deklaratori (A. 15 k. 16)
>
> Tiada tindakan atau prosiding lain boleh terbuka kepada bantahan atas alasan bahawa cuma suatu penghakiman atau perintah deklaratori diminta dengan demikian itu, dan Mahkamah boleh membuat deklarasi hak yang mengikat sama ada atau tidak relief berbangkit dituntut atau boleh dituntut.

[66] Seterusnya, kami merujuk kepada keputusan Abdul Hamid Omar CJ (Malaya) dalam kes *Karpal Singh v. Sultan Of Selangor* [1987] 2 CLJ 342; [1987] CLJ (Rep) 686; [1988] 1 MLJ 64 (kes *Karpal Singh*) yang telah menggariskan prinsip asas permohonan perintah deklaratori sebagaimana berikut:

... It is fundamental principle that declaration will not be made if the application for it is embarrassing or the declarations can serve no useful purpose: See *Mellstrom v. Garner & Ors* [1970] 2 All ER 9.

The learned Attorney-General has referred to a textbook on *Declaratory Orders*, 2nd Edition, by P.W. Young, on the conditions for declaratory orders and has submitted that one of the conditions to be satisfied is that (a) there must exist a controversy between the parties; (b) the proceedings must involve a "right"; (c) the proceedings must be brought by a person who has a proper or tangible interest in obtaining the order; (d) the controversy must be subject to the court's jurisdiction; and (e) it must not be merely of academic interest, hypothetical or one whose resolution would be of no practical utility.

> The question must be a real and not a theoretical question; the person raising it must have a real interest to raise it; he must be able to secure a proper contradictor, that is to say, someone presently existing who has a true interest to oppose the declaration sought. (*The Russian Commercial & Industrial Bank v British Bank for Foreign Trade* [1921] 2 AC 438 at 448 per Lord Dunedin).

At this juncture, I would refer to *Cox v. Green* [1966] 1 Ch 216 where it was held:

> that on its true construction, R.S.C., Order 15 rule 17 (Order 15 rule 16 of our R.H.C.), was limited to an action or proceeding in which the grant of the declaration sought would not be contrary to the accepted principles on which the court exercised its jurisdiction, one of those principles being that the court would not make a declaration in a dispute which was not a justiciable dispute.

I would also refer to the case of *Lim Cho Hock v. Government of the State of Perak & Ors* [1980] 2 MLJ 148 where the Court held that:

> the court's power to make declaratory judgments is confined to matters justiciable in the Courts, and the binding declarations which it could make under Order 15 rule 16 of the Rules of the High Court, 1980 are limited to legal or equitable rights and do not extend to moral, social or political matters.

(See also section 41 Specific Relief Act, 1950.)

Strictly, it is a discretionary relief and the discretion is to be exercised judicially consistent with accepted principles. In the exercise of its discretion, the Court shall have regard to the facts and circumstances of each particular case before it decides to grant a declaration.

[67] Berasaskan peruntukan undang-undang dan juga prinsip yang digariskan Mahkamah Persekutuan tersebut, bolehlah disimpulkan bahawa suatu perintah deklaratori itu perlulah dipohon oleh mana-mana orang yang berhak kepada suatu sifat di sisi undang-undang, atau berhak ke atas mana-mana harta dan tindakan bagi mendapatkan perintah deklaratori bolehlah dimulakan terhadap mana-mana orang yang menafikan sifat atau hak

tersebut. Dengan kata lain, permohonan untuk mendapatkan perintah deklaratori tidak boleh dibawa oleh orang asing yang tiada kaitan dengan suatu sifat atau hak tersebut.

[68] Kembali kepada tindakan yang diambil pihak pemohon, perintah deklaratori yang dipohon adalah berkaitan dengan pendapat dan/atau pandangan R1 dalam perenggan 2 dan perenggan 3 Jadual kepada *Warta Fatwa* tersebut yang kandungannya adalah sepertimana berikut:

> (2) Mana-mana bahan terbitan yang berunsur pemikiran-pemikiran fahaman liberalisme dan pluralisme agama hendaklah diharamkan dan boleh dirampas.
>
> (3) Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) hendaklah menyekat laman-laman sosial yang bertentangan dengan ajaran Islam dan Hukum Syarak.

Jelasnya, perenggan-perenggan tersebut tidak ditujukan kepada mana-mana pihak pemohon. Sekiranya ada penguatkuasaan *Warta Fatwa* tersebut sekalipun, pihak pemohon tidak akan terjejas secara langsung. Pihak yang ada hak atau *locus* untuk mempersoalkan sifat *Warta Fatwa* tersebut sudah tentunya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab sepertimana di bawah Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969 yang mana akan ditentukan melalui perintah yang diwartakan melalui perintah Yang di-Pertuan Agong dari semasa ke semasa. Sepertimana yang disenaraikan, Akta 301 berada di bawah tanggungjawab Menteri Dalam Negeri dan Akta 588 berada di bawah tanggungjawab Menteri Komunikasi dan Multimedia.

[69] Berkaitan dengan isu *locus*, kami sekali lagi ingin merujuk kepada keputusan dalam kes *Karpal Singh* yang mana ada diputuskan sebagaimana berikut:

> *I would firmly say that an action may not be brought to Court by a stranger to it. Indeed, generally, a person may not even institute declaratory proceedings in respect of an act which, although prejudicial to his interests, may not affect him in his private rights*. (See *Guaranty Trust Co of New York v. Hannay & Co* [1915] 2 KB 536 562 per Pickford L.J. that "it does not extend to enable any stranger to the transaction to go and ask the Court to express its opinion in order to help him on other transactions.')
>
> There are various approaches which a court may adopt in deciding the question of *locus standi*. One approach is to ask whether the plaintiff has "a cause of action". Another approach is to determine whether the plaintiff can establish a "right" which the court may declare. Yet another approach is to require the plaintiff to demonstrate "a special injury" resulting from the subject matter of the declaration. A fourth approach requires the plaintiff to have an "interest" in the subject matter of the declaration to be litigated. A final approach leaves the question of standing to be determined by the court in the exercise of its discretion,
>
> (penekanan ditambah)

Oleh itu, sekiranya ada pihak yang terkesan dengan pendapat dan/atau pandangan R1 dalam perenggan 2 dan 3 Jadual kepada *Warta Fatwa* tersebut, sudah tentulah Menteri-Menteri yang berkenaan sahaja dapat mengambil tindakan di bawah s. 41 ARS 1950.

[70] Sekiranya pihak pemohon boleh menunjukkan adanya "kecederaan khas" yang dialami P1 akibat daripada *Warta Fatwa* tersebut atau P1 dapat menunjukkan bahawa ia ada "kepentingan" ke atas perkara yang dinyatakan dalam *Warta Fatwa* tersebut sekalipun, kami masih berpandangan bahawa apa yang dipohon di perenggan 2 dan 3 Jadual kepada *Warta Fatwa* tersebut tidak menjurus kepada "kecederaan khas" ataupun "kepentingan" P1. Hakikatnya, pihak pemohon gagal untuk mengemukakan sebarang keterangan yang dapat menunjukkan adanya "kecederaan khas" atau "kepentingan" tersebut.

[71] Selain itu, kami juga mendapati tiada silapnya dapatan HMT yang menyatakan bahawa *Warta Fatwa* tersebut hanya menyatakan mana-mana bahan terbitan yang berunsur pemikiran-pemikiran fahaman liberalisme dan pluralisme agama hendaklah diharamkan dan boleh dirampas. Ianya tidak memperuntukkan sebarang peruntukan kesalahan atau memberikan kuasa kepada R1 untuk merampas. Kuasa tersebut tetap berada di tangan Menteri yang berkenaan. Begitu juga sekatan ke atas laman-laman sosial yang bertentangan dengan ajaran Islam dan Hukum Syarak. R1 melalui *Warta Fatwa* tersebut hanya meminta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia membuat sekatan dan tidak pula memberikan kuasa kepada dirinya untuk berbuat demikian.

[72] Berhubung perkara yang sama, kami turut berpandangan bahawa *Warta Fatwa* tersebut hanyalah menyatakan larangan ke atas pemikiran-pemikiran fahaman liberalisme dan pluralisme agama sahaja. *Warta Fatwa* tersebut tidak memperuntukkan sebarang kesalahan, sebaliknya hanya menghendaki mana-mana individu yang berpegang kepada fahaman liberalisme dan pluralisme agama hendaklah bertaubat dan kembali ke jalan Islam. Menurut *Kamus Bahasa Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka yang boleh dilayari melalui laman sesawang https://prpm.dbp.gov.my definisi "taubat" adalah sepertimana berikut:

> 1. sesal akan dosa (perbuatan jahat dll) dan berazam tidak akan berbuat dosa (jahat) lagi, perasaan tidak senang (rasa kesal) kerana telah melakukan kesalahan dan berazam tidak akan mengulanginya lagi: ~ lah kakanda, janganlah kakanda perbuat lagi seperti yang telah lalu; 2. kembali kepada Tuhan (dengan meninggalkan perbuatan dll yang dilarang dan membuat apa-apa yang disuruh), kembali atau pindah agama kepada agama yang dianggap benar: dahulu ia seorang ateis, tetapi sekarang sudah ~ nampaknya, hendak naik haji pula; ~ nasuha taubat (rasa kesal) yang sesungguhnya; 3. bp sudah tidak berani berbuat lagi, sudah bosan, sudah jera: aku tak pergi lagi; 4. kata seru untuk menyatakan perasaan hairan (kesal, sebal, dll): ~, bodoh benar budak ini! bertaubat 1. menyesal

dan berazam memperbaiki diri, mengaku salah, berasa serik; 2. kembali kepada Tuhan atau agama; menaubatkan 1. membuat orang taubat (menyesali dosanya dan kembali kepada Tuhan); 2. menjerakan, mengalahkan. (Kamus Dewan Edisi Keempat)

Sementara itu, layaran ke atas laman sesawang https://muftiwp.gov.my, jawapan Datuk Dr Zulkifli bin Mohamad al-Bakri, Mufti Wilayah Persekutuan pada ketika itu, kepada persoalan "Apakah maksud taubat dan syarat-syarat taubat" adalah seperti berikut:

Taubat dari segi bahasa dengan maksud kembali.

(i) Taubat daripada "adam bermaksud kembali daripada maksiat, sedangkan taubat daripada Allah SWT kembali ke atas-Nya dengan rahmat.

Imam al-Ghazali mendefinisikan taubat pada istilah sebagaimana dengan kitab Minhaj al-Abidin iaitu dengan kerja hati yang apabila tahsil daripada pendapat ulama: Pembersihan dan penyucian hati daripada dosa.

Imam al-Ghazali menaqalkan definisi taubat yang ketiga daripada gurunya Abu Bakar al-Turtusi dengan: Meninggalkan pilihan dosa seumpamanya dahulu daripadanya kedudukan (*manzilah*) bukan gambaran (*surah*) kerana membesarkan Allah SWT dan waspada daripada kemurkaan-Nya.

Dinyatakan di sini ungkapan ulama sufi tentang taubat daripada kitab al-Risalah al-Qusyairiyah:

(i) Sahl bin Abdillah berkata: Taubat adalah jangan lupa dosa kamu.

(ii) Junaid al-Baghdadi berkata: Taubat ialah lupa dosa kamu.

(iii) Al-Nuri berkata: Taubat ialah engkau bertaubat daripada semuanya kecuali Allah SWT.

(iv) Zu al-Nun al-Misri berkata: Taubat orang awam adalah taubat dari dosa sedangkan taubat orang alim adalah taubat dari lalai.

(v) Sahl bin Abdullah juga berkata: Taubat ialah meninggalkan angan-angan yang mendatang.

Syarat-syarat taubat

(i) Meninggalkan dosa dengan sukarela.

(ii) Bertaubat dari dosa yang telah dilakukan.

(iii) Pilihan untuk meninggalkan dosa terbit daripada membesarkan Allah SWT.

Kami menutup perbincangan ini dengan mengemukakan kenyataan Ibn Abbas R.Anhuma:

يعود ألا على والإضمار ،بالبدن والاقلاع ،باللسان والاستغفار ،بالقلب الندم النصوح التوبة

Maksudnya: "Taubat Nasuha ialah sesal dengan hati, istighfar dengan lidah, buang perlakuan maksiat dengan tubuh badan dan berazam tidak kembali semula.

[73] Daripada definisi-definisi tersebut, bolehlah disimpulkan bahawa bertaubat adalah suatu perbuatan iaitu untuk kembali semula taat kepada Tuhan setelah menyesal melanggar perintah atau larangan Tuhan. Nyatalah bahawa perbuatan bertaubat dalam Islam hanya melibatkan elemen kerohanian yang berbeza sama sekali dengan elemen hukuman yang lazimnya berbentuk kewangan (denda), sekatan (penjara) atau seksaan (sebatan rotan) iaitu melibatkan elemen hukuman secara fizikal. Oleh itu, hujahan peguam pihak pemohon berhubung dengan elemen hukuman yang dikenakan terhadap P1 atau individu yang berpegang falsafah dan pegangan liberalisme dan pluralisme agama di bawah *Warta Fatwa* tersebut adalah dangkal. Sementelahan lagi, perenggan 4 kepada Jadual *Warta Fatwa* tersebut tidak pun menyebut bahawa P1, sebuah entiti jadian di bawah undang-undang, perlu bertaubat. Untuk tujuan memudahkan rujukan, diperturunkan semula perenggan 4, *Warta Fatwa* tersebut seperti berikut:

> 4. Mana-mana individu yang berpegang kepada fahaman liberalisme dan pluralisme agama hendaklah bertaubat dan kembali ke jalan Islam.

[74] Sebagai tambahan, sekali lagi kami ingin tekankan bahawa *Warta Fatwa* tersebut hanyalah dalam bentuk pendapat dan/atau pandangan R1 yang dibuat berdasarkan Hukum Syarak semata-mata (lihat keputusan kes *Sulaiman Takrib* di perenggan 101), dan ianya juga bukanlah kekal sifatnya (lihat peruntukan s. 50 EPAIS).

[75] Berasaskan keadaan-keadaan yang dinyatakan tersebut, kami berpandangan bahawa suatu perintah deklaratori seperti yang dipohon pihak pemohon tidak sesuai diberikan dan perlulah ditolak.

[76] Ketiga, peguam pihak pemohon berhujah bahawa *Warta Fatwa* tersebut bercanggah dengan per. 5 dan per. 8 Perlembagaan Persekutuan. Dihujahkan bahawa prinsip *nullum crimen sine lege*, *nulla poena sine lege* iaitu, tiada pertuduhan jenayah atau apa-apa hukuman boleh dikenakan kecuali mengikut undang-undang tertentu yang ditetapkan, telah tertanam dalam per. 5 dan per. 8 Perlembagaan Persekutuan, dan mana-mana undang-undang yang bertujuan untuk mengenakan sekatan jenayah tetapi tidak memberi notis yang adil kepada umum tentang sekatan yang dianggap sebagai jenayah tersebut, boleh diisytiharkan sebagai tidak berperlembagaan. Keputusan Mahkamah Agung Kanada dalam kes *R v. Kelly* [1992] 2 SCR 170, dirujuk.

[77] Selanjutnya dihujahkan bahawa, walaupun dalam *Warta Fatwa* tersebut ada peruntukan tentang kesalahan bagi mana-mana individu yang berpegang kepada fahaman liberalisme dan pluralisme agama, namun begitu makna "liberalisme" dan "pluralisme" agama tidak pula dijelaskan atau sekurang-kurangnya dinyatakan apakah perbuatan yang terjumlah kepada fahaman liberalisme dan pluralisme agama. Atas alasan tersebut, peguam pihak pemohon berhujah bahawa *Warta Fatwa* tersebut tidak sah dan perlulah dibatalkan.

[78] Berhubung dengan prinsip *nullum crimen sine lege*, *nulla poena sine lege*, kami berpandangan bahawa prinsip tersebut tidaklah terpakai. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, *Warta Fatwa* tersebut tidak ada diperuntukkan sebarang peruntukan hukuman. Tidak ada sebarang sekatan jenayah yang dikenakan, sebaliknya individu yang berpegang kepada fahaman liberalisme dan pluralisme agama hanya diperlukan untuk bertaubat sahaja, selaras dengan tuntutan di bawah Hukum Syarak.

[79] Bagi penerangan maksud fahaman "liberalisme" dan "pluralisme" agama yang dikatakan tidak jelas dan tidak adanya klasifikasi perbuatan yang terjumlah kepada fahaman-fahaman tersebut pula, kami turut berpandangan bahawa perkara tersebut juga tidak bermerit diberikan pertimbangan. Sebagaimana yang telah dinyatakan di perenggan [44] hingga [48] di atas, keperluan untuk R1 berfatwa melalui *Warta Fatwa* tersebut terbit daripada falsafah dan pegangan P1 sendiri.

[80] Keterangan DBH dalam AJR-R2 berhubung dengan falsafah, pemikiran serta pegangan P1 dan P2 terhadap ajaran dan hukum Islam kekal tidak disanggah atau dinafikan pihak pemohon. Oleh itu, ia adalah terjumlah kepada suatu pengakuan oleh P1. Antara isu yang berbangkit daripada pandangan, tuntutan dan penghinaan terhadap Hukum Syarak oleh P1 seperti yang dinyatakan DBH di perenggan 4 AJR-R2 adalah; isu pemberian kondom percuma yang seolah-olahnya menghalalkan perzinaan dalam kalangan orang Islam semata-mata bagi mengatasi penyakit HIV, isu hak beragama dalam kalangan orang Islam yang merujuk kepada penguatkuasaan ke atas pengikut ajaran "Ayah Pin", isu hak bertudung untuk wanita yang diasaskan kepada pemahaman cetek ilmu al-Quran, isu kesaksamaan jantina atau "musawah" yang dikatakan sebagai ajaran asas dalam Islam, isu tuntutan kepada perubahan undang-undang keluarga Islam, isu hukuman sebat, isu pemansuhan undang-undang jenayah syariah, isu kuasa fatwa oleh Mufti yang kelayakannya dipertikaikan kerana tidak dipilih secara demokrasi, isu kuasa ijtihad yang hanya diberikan kepada lelaki dan isu konsep "patriarchy" iaitu lelaki lebih dominan ke atas wanita.

[81] Isu-isu tersebut adalah isu kontemporari yang dibangkitkan sendiri oleh P1 melalui medium penerbitan dan juga medium-medium lain. Dari keterangan DBH dalam AJR-R2, isu tersebut menjadi kontroversi umum sehingga menarik perhatian banyak pihak termasuk pihak berkuasa agama Islam di peringkat Negeri mahupun Persekutuan dan menjadi topik perbincangan yang turut melibatkan P1. Selain itu, satu dialog di antara pihak responden dengan P1 telah diadakan bagi membincangkan falsafah dan pegangan P1. Oleh itu, adalah mustahil bagi P1 untuk mengatakan bahawa ia tidak faham atau maklum maksud liberalisme dan pluralisme agama yang menjadi pegangan dan juga asas perjuangannya.

[82] Ternyatalah bahawa pergantungan peguam pihak pemohon kepada peruntukan per. 5 dan per. 8 Perlembagaan Persekutuan dalam penghujahannya adalah tidak berasas sama sekali.

[83] Akhirnya, kami merujuk kepada keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Peguam Negara Malaysia v. Chin Chee Kow & Another Appeal* [2019] 4 CLJ 561 (kes *Chin Chee Kow*). Di awal analisis dan dapatan, Mahkamah Persekutuan telah membuat pemerhatian berikut:

> [48] It is trite that not all cases brought before courts are reviewable. Before proceeding to hear a case, a court must first examine, *inter alia*, its justiciability. "Justiciability" concerns the limits upon legal issues over which a court can exercise its judicial authority. Non-justiciability in its administrative law sense signifies that a matter is not capable of or susceptible to, judicial review, as well as non-justiciability in the sense of there being no jurisdiction to entertain an issue or to grant approved relief.
>
> [49] The issue of justiciability in an application for leave for judicial review was considered in great detail by Mohamad Ariff Md Yusuf J (as he then was) in *Tengku Muhammad Fakhry Petra ibni Sultan Ismail Petra v. Yang Maha Mulia Pemangku Raja Kelantan & Ors* [2011] 1 MLJ 128:
>
> > Non-justiciable Issues
> >
> > In connection with the unconstitutionality of legislation, we have seen that even where a fundamental right has been invaded by a statute, the individual who is affected thereby may not have a remedy from a Court of Law, because the issue involved is not justiciable.
> >
> > ... The most prominent amongst non-justiciable issues are those which are known in the U.S.A. as "political questions", which means that the subject matter of the question is such that it is not capable of a judicial determination (at p 256).
> >
> > The learned authors of *De Smith's Judicial Review* (6th Ed) have also appropriately observed in this connection that despite the wholesome development of administrative law, "the fact remains, however, that there are some issues which are inherently unsuited to adjudication" and in this category of case, "the Court acknowledges that the litigation process and the expertise of the Court are unsuited to resolving the question in hand", (at p. 121).
> >
> > A good definition of "justiciability" can also be found in Chris Finn, "*The Concept of "Justiciability' in Administrative Law*" in *Groves & Lee, Australian Administrative Law* (2007):
> >
> > > The term "justiciability" refers to the suitability for, or amenability to, judicial review of a particular administrative decision or class of decisions. The term derives from the common law and reflects a series of self-imposed judicial restraints, themselves founded in a view as to the appropriate constitutional balance between the respective roles of the

A executive and the judiciary. Thus, a matter may be deemed "non-justiciable" by a Court which feels that its resolution either is beyond the institutional competence of the Court or would involve stepping outside its appropriate constitutional role, (at p. 143).

B [50] There are certain areas which the court is reluctant to delve into. These include the power of the state to enter into treaties and conduct of foreign policy, the defence of the realm and the control of the armed forces, the prerogative of mercy, the dissolution of Parliament and the appointment of Ministers. Such powers are governed by broader policy considerations which are more appropriately entrusted to the political C branches of government, and which are unsuited to be examined by the courts. One such instance is the case of *Council of Civil Service Unions v. Minister for the Civil Service* [1985] AC 374 (HL) ('the *GCHQ* case').

[84] Walaupun kes *Chin Chee Kow* diputuskan hanya di peringkat pendengaran permohonan kebenaran untuk memulakan satu prosiding D semakan kehakiman, kami berpandangan bahawa prinsip "kewajaran" yang dibincangkan dalam kes tersebut boleh diaplikasikan kepada permohonan pihak pemohon. Daripada keputusan kes *Chin Chee Kow*, terdapat beberapa bidang tertentu pihak pentadbiran yang dikenal pasti tidak akan disemak mahkamah melalui bidang kuasa semakan kehakiman sepertimana yang E disenaraikan di perenggan [50] keputusan tersebut. Kami berpandangan bahawa senarai yang dinyatakan tersebut tidaklah konklusif. Mengadaptasi keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Chin Chee Kow*, salah satu bidang yang boleh disenaraikan adalah perkara berkaitan dengan pembuatan fatwa. Alasannya, pembuatan sesuatu fatwa adalah berdasarkan hukum hakam bagi orang Islam berpaksikan Hukum Syarak yang sememangnya F berada dalam kepakaran Mahkamah Syariah dan bukannya mahkamah sivil. Sehubungan dengan itu, pembahagian bidang kuasa yang telah diperuntukkan di bawah per. 121(1A) Perlembagaan Persekutuan perlulah dihormati dan dipatuhi. Kami mendapati bahawa tidak ada kewajarannya untuk mahkamah sivil campur tangan menyemak *Warta Fatwa* tersebut.

G

Kesimpulan

[85] Berdasarkan kepada alasan-alasan yang telah dinyatakan tersebut, kami secara majoriti mendapati bahawa tidak ada merit dalam rayuan pihak pemohon yang mewajarkan campur tangan kami di peringkat rayuan. Dengan H itu, rayuan pihak pemohon adalah ditolak dan keputusan HMT dikekalkan. Kami menggunakan budi bicara untuk tidak membuat sebarang perintah ke atas kos.

[86] Keputusan ini adalah keputusan majoriti oleh saya dan Has Zanah binti Mehat HMR. Manakala Gunalan Muniandy HMR tidak bersependapat I dengan kami.

Gunalan Muniandy HMR (menentang):

[87] I have duly read the GOJ of my learned brother Dato' Che Ruzima and have been informed that my learned sister Dato' Has Zanah is in agreement with the views expressed in the said GOJ. I appreciate that the GOJ are complete and comprehensive in that the factual background and the issues arising for determination in this appeal are clearly set out in full. As such, I would not venture to narrate the factual matrix and events leading up to the judicial review application ('the JR') at the High Court. With respect, I am not inclined to agree with the conclusion reached by my learned sister and brother judges that this appeal has no merits and that the HC's decision to dismiss the JR was correct in law and fact and therefore, should be upheld. Hence, my judgment would be in the minority.

[88] I am inclined to uphold the contention of the appellants that the LJ of the High Court ('the LJ') had fallen into obvious error of fact and law in dismissing the JR on the grounds stated in his GOJ primarily because it disregards two landmark FC decisions on the jurisdiction point under the Ninth Schedule of the Federal Constitution.

[89] Our focus should be on the issues arising for determination in this appeal which may be summarised as follow:

(i) Whether the Fatwa exceeds the jurisdictional competence of the respondents as the first appellant is a company and not a person professing the religion of Islam.

(ii) Whether the Fatwa is *ultra vires* ss. 47 and 51, Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003 ('Selangor 2003 Enactment').

(iii) Whether the Fatwa violates s. 7 of the Printing Presses and Publications Act 1984 ('PPPA') and s. 3 of the Communications and Multimedia Act 1998 ('CMA').

(iv) Whether the Fatwa contravenes arts. 5, 8, 10 and 11 of the Federal Constitution ('FC').

(v) Whether the issuance of the Fatwa had breached rules of natural justice?

[90] The LJ dismissed the JR application on these grounds:

(i) The civil courts have no jurisdiction to hear the JR application as the Fatwa falls within the exclusive jurisdiction of the Syariah Court as s. 66A of the Selangor 2003 Enactment purportedly grants judicial review powers to the Syariah High Court.

(ii) In any event, even if the civil courts had the said jurisdiction, the Fatwa did not violate the FC, PPPA, CMA and the Selangor 2003 Enactment

[91] As the FC, in *SIS Forum (Malaysia) v. Kerajaan Negeri Selangor; Majlis Agama Islam Selangor (Intervener)* [2022] 3 CLJ 339; [2022] 2 MLJ 356; ('*SIS Forum*') unanimously struck down s. 66A of the Selangor 2003 Enactment the jurisdiction ground has become a non-issue in this appeal as was contended by the appellants.

[92] In deliberating on the ground of challenge premised on constitutional or statutory contravention, the FC emphatically held (per Tun Tengku Maimun CJ) as follows:

> [88] Regardless, it is my view that the petitioner's argument is relevant within the context of the present competency challenge against s. 66A of the ARIE 2003. The opening words of item 1 read: "Islamic law and personal and family law of persons professing the religion of Islam". This indicates that the *ratione materiae* jurisdiction of the Syariah Courts was intended only to cover the subject matter of personal laws which would by their nature only apply to natural persons.
>
> [89] Further, the word "profess" in its natural and ordinary meaning suggests a declaration of faith which is something an artificial or juridical person is incapable of doing (see *Kesultanan Pahang v. Sathask Realty Sdn Bhd* [1998] 2 MLJ 513).

[93] At the outset, I would, with respect, emphasise that the doctrine of *stare decisis* is sacrosanct in our judicial system. Its importance to the orderly administration of justice in our jurisdiction founded on constitutional supremacy cannot be overstated. It is particularly so when the apex court has come to a final determination on constitutional questions of great significance.

[94] Moving on to the views of the majority on the core grounds of appeal, these may be summarised for convenience as follows:

(i) The second respondent's ('R2') contention that the *Gazette* Publication of the Fatwa is not amenable to JR because it concerned matters relating to Hukum Syarak under the religion of Islam may be raised for the first time at the appeal stage even though it was never raised at the court below. This is because it is a question of law that went to the jurisdiction of the High Court ('HC') to hear the JR.

(ii) On the crucial issue of the jurisdiction of R1 to issue the fatwa against the first appellant (A1), that R1 had no *locus* to issue and *Gazette* the Fatwa as A1 was an incorporated company that could not embrace the religion of Islam, A1's contention was misplaced and misconceived. This is because the decision of the FC in *SIS Forum* (*supra*) on this very point of law was merely an *obiter dictum* made in the context of the challenge against the jurisdiction of the Syariah Court under the Selangor Enactment. Moreover, the focus was on the profession of a faith which only could be done by a natural persons/mortal and not an artificial

entity like SIS. In the context of the impugned Fatwa, the issue of the profession of any faith (the religion of Islam) did not arise at all. The vision and mission of SIS Forum have to be considered since its inception.

(iii) The first appellant ('A1') as a separate corporate/legal entity and not a natural person cannot absolve itself of supervision, liability of enforcement of religious laws by State enforcement bodies/agencies established under State laws, or Federal laws, in the case of FTs, in accordance with art. 11(4) of the Federal Constitution. There is no necessity to lift the corporate veil of A1 to justify the issuance of the Fatwa by R1 in the performance of its statutory duly to supervise and restrict the propagation of certain doctrines and beliefs among persons professing the religion of Islam.

(iv) On a consideration of the laws as they stand, particularly the provisions of s. 48 of the Selangor Enactment, which were duly adhered to by R1 in the issuance of the Fatwa, there was no procedural impropriety or irregularity by R1 that tainted the Fatwa. Neither was there any breach of the rules of natural justice in the action taken against R1.

[95] For the purposes of this broad grounds, I would make reference to the appellants' position in pursuing the JR which was, briefly, on these grounds:

(i) The Fatwa exceeds the jurisdictional competence of the respondents as the A1 is a company and not a person professing the religion of Islam.

(ii) The Fatwa is *ultra vires* ss. 47 and 51 of the Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003 ('Selangor 2003 Enactment').

(iii) The Fatwa violates s. 7 of the Printing Presses and Publications Act 1984 ('PPPA') and s. 3 of the Communications and Multimedia Act 1998 ('CMA').

(iv) The Fatwa contravenes arts. 5, 8, 10 and 11 of the Federal Constitution ('FC').

(v) The making of the Fatwa violated the rules of natural justice.

[96] Without making any comment on grounds (ii) to (v) at this point, I would express my considered view on ground (i), which I believe is the principal ground that would suffice to dispose of this appeal in favour of the appellants. Be that as it may, it is important to state that grounds (ii) to (v) are not without basis and substance in law and fact.

[97] As the FC has put to rest the issue of the exclusive jurisdiction of the High Court and/or superior courts as regards the power of judicial review and held that the civil courts are the only bodies empowered to decide constitutional issues or issue public law remedies, these broad grounds would be confined to ground (i) above.

[98] In *SIS Forum* (*supra*), the FC had held affirmatively, unequivocally and without any reservations that the respondents had no jurisdiction at all over artificial persons like a limited company or corporation by construing the phrase "persons professing the religion of Islam" in para. 1 in the State List as per the Ninth Schedule of the Federal Constitution. The judgment the FC in *Kesultanan Pahang v. Sathask Realty Sdn Bhd* [1998] 2 CLJ 559; [1998] 2 MLJ 513 was adopted in holding that a company like the first appellant cannot profess any religion. I am in full concurrence with the appellant's contention that the LJ had therefore erred in deciding that the respondents could issue the Fatwa against the first appellant, a company. The LJ had no basis in law to lift the corporate veil of the first appellant and make a finding that the controlling minds of the first appellant are Muslims. This approach was with respect, incorrect in law and called for appellate interference. Based on the pronouncement of the FC as above, the impugned Fatwa should fall for falling outside the State List in the Ninth Schedule of the Federal Constitution.

[99] I would conclude that on this ground alone, amongst others, we should hold that the LJ had erred in law in deciding that the appellants' JR application should be dismissed. It was plain that the LJ had failed to judicially appreciate that R1 had exceeded its jurisdictional competence in issuing the Fatwa that the appellants had challenged.